



**BAB TIGA**

## **BAB TIGA : AMALAN TRADISI SELEPAS KEMATIAN MASYARAKAT**

### **MELAYU NEGERI SEMBILAN**

#### **3.1 LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN**

Berdasarkan kepada tajuk penyelidikan, lokasi yang menjadi tumpuan penulis ialah Negeri Sembilan. Di dalam bab ini akan dibentangkan latar belakang tentang sejarah pembentukan Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan terletak di bahagian tengah Pantai Barat Semenanjung Malaysia bersempadan dengan Selangor di bahagian utara, Melaka dan Johor di bahagian selatan dan Pahang di bahagian timur. Keluasan Negeri Sembilan ialah 6734 k.m persegi<sup>1</sup>.

Negeri ini terbahagi kepada tujuh daerah iaitu Port Dickson, Rembau, Seremban, Tampin, Kuala Pilah, Jelebu dan Jempol yang diketuai oleh seorang Pegawai Daerah<sup>2</sup>. Namun dari segi adat, ia terbahagi kepada dua wilayah utama iaitu wilayah Adat Perpatih dan wilayah bukan Adat Perpatih. Wilayah Adat Perpatih ialah Rembau, Seremban, Jelebu, Johol, Jempol, Kuala Pilah dan Tampin manakala wilayah bukan Adat Perpatih ialah daerah Port Dickson<sup>3</sup>.

Negeri Sembilan bermakna cantuman sembilan daerah atau luak iaitu Sungai Ujong, Jelebu, Jempol, Johol, Gemencheh, Rembau, Hulu Muar Inas atau Gunung Pasir dan Seri Menanti. Ada pendapat lain pula menyatakan bahawa sembilan daerah atau luak

yang dimaksudkan ialah Sungai Ujong, Klang, Jelebu, Johol, Jelai (Inas) Naning, Segamat, Pasir Besar dan Hulu Pahang (Keraboi)<sup>4</sup>.

Perkataan Negeri Sembilan di pangkal nama Negeri Sembilan berasal dari perkataan orang Minangkabau yang disebut menurut pelatnya “nagari” kerana Negeri Sembilan telah dibuka oleh orang yang datang dari Minangkabau<sup>5</sup>.

Negeri Sembilan dibuka seawal kurun ke 14 Masihi oleh orang-orang Minangkabau yang berasal dari Sumatera. Ini dibuktikan melalui batu bersurat yang kini boleh didapati di Sungai Undang Port Dickson. Mereka menyeberangi Selat Melaka dan masuk ke Negeri Sembilan. Mereka yang naik melalui Kuala Sungai Linggi di Melaka mendiami daerah-daerah Rembau, Sungai Ujong dan Seri Menanti. Bagi yang naik melalui Melaka kebanyakannya tinggal di Naning, Johol dan sebahagian dari kawasan di daerah Kuala Pilah<sup>6</sup>. Penghijrahan ini berlaku secara kumpulan-kumpulan kecil. Sebelum kedatangan orang Minangkabau, sebenarnya telah wujud empat daerah kepunyaan orang asli Besisi dan Jakun iaitu Sungai Ujong, Klang, Jelebu dan Johol. Penghijrahan secara besar-besaran berlaku pada kurun ke 16 dengan kedatangan ramai sanak-saudara dari Minangkabau yang bergelar perut<sup>7</sup>.

Kedatangan secara beramai-ramai inilah akhirnya mewujudkan sistem ketua dan politik Negeri Sembilan. Maka terbentuklah sistem organisasi sosial berdasarkan hubungan kekeluargaan, anak buah melantik Buapak, Buapak melantik Lembaga, Lembaga pula melantik Datuk Penghulu. Empat orang Datuk Penghulu iaitu dari Sungai

Ujong, Rembau, Jelebu dan Johol melantik Yamtuan Besar yang kemudian dikenali sebagai Yang Dipertuan Besar<sup>8</sup>.

Negeri Sembilan wujud selepas perlantikan Raja Melewar sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Daerah atau luak yang terlibat di dalam pembentukan ini ialah Sungai Ujong, Rembau, Johol, Jelebu, Naning, Segamat, Ulu Pahang, Jelai dan Klang. Ini berpunca dari satu perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 1885 di antara Gabenor Negeri-Negeri Selat bagi pihak kerajaan Inggeris dengan Yamtuan Seri Menanti dan Penghulu-penghulu luak bagi membentuk sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan<sup>9</sup>.

Dari sudut politik, Negeri Sembilan diketuai oleh Yang Dipertuan Besar. Di dalam pentadbiran kerajaan negeri, Negeri Sembilan mempunyai sebuah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan sebuah Dewan Undangan Negeri. Seorang Menteri Besar dilantik oleh Yang Dipertuan Besar untuk mengetuai pentadbiran kerajaan negeri<sup>10</sup>.

Pusat Pentadbiran dan ibu negeri Negeri Sembilan ialah Seremban yang terletak kira-kira 64 kilometer dari Kuala Lumpur.

### **Kedatangan Islam ke Negeri Sembilan**

Fakta berkaitan dengan kedatangan Islam ke Negeri Sembilan adalah tidak jelas. Namun begitu terdapat beberapa pendapat dalam menyatakan tentang hal tersebut.

Pendapat pertama menyatakan bahawa Islam datang ke Negeri Sembilan sekitar abad ke 15 melalui kumpulan mubaligh yang datang dari Melaka dan negeri-negeri lain sekitar Melaka<sup>11</sup>.

Pendapat kedua ialah teori kedatangan dari Minangkabau, Sumatera melalui penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Kedatangan mereka turut membawa agama Islam kerana daerah Minangkabau lebih dahulu menerima Islam daripada Melaka<sup>12</sup>.

Pendapat lain ada menyatakan pula, Islam masuk ke Negeri Sembilan serentak dengan kedatangan Islam ke Melaka iaitu kira-kira pada abad ke 14. Ini terbukti melalui terjumpanya sebuah batu bersurat di Pengkalan Kempas di Linggi bertarikh 850 H bersamaan dengan 1467 M. Batu bersurat tersebut ada tertulis tentang kematian Syeikh Ahmad yang telah dimakamkan di situ<sup>13</sup>.

Syeikh Ahmad adalah insan yang berjasa besar di dalam usaha penyebaran Islam di Negeri Sembilan. Tugu beliau telah ditemui berhampiran dengan Pengkalan Kempas. Melihat kepada tarikh kematian beliau pada tahun 1467 M, tahun tersebut ialah tahun pemerintahan Sultan Mansur Syah di Melaka yang memerintah di antara tahun 1459 – 1477<sup>14</sup>.

Syeikh Ahmad dikatakan berasal dari Minangkabau. Ini dibuktikan melalui ciri-ciri yang terdapat pada makamnya dari segi bentuk, tulisan dan kata-kata pada batu nesan

dan cara pembuatannya yang serupa dengan batu bersurat yang terdapat di Pagar Ruyong yang menjadi kawasan penempatan orang-orang Minangkabau di Sumatera. Melihat kepada tulisan "Allah" dan perkataan Bismillahirrahmanirrahim pada batu nesan itu adalah bukti jelas bahawa Syeikh Ahmad adalah seorang yang beragama Islam<sup>15</sup>.

#### **Perangkaan penduduk Negeri Sembilan<sup>16</sup>.**

Mengikut bancian tahun 2000, penduduk Negeri Sembilan adalah seramai 859,924 orang. Berikut ialah jumlah penduduk mengikut kerakyatan :

KERAKYATAN	PERATUS
Warganegara	95.7
Bukan warganegara	4.3
Bumiputera	57.9
Cina	25.6
India	16.0
Lain-lain	0.5

Manakala pecahan penduduk mengikut anutan agama adalah seperti berikut :

AGAMA	PERATUS
Islam	58.6
Kristian	2.7
Hindu	13.9
Buddha	20.3
Confucious / Tao, agama tradisi lain orang Cina	3.0
Agama suku kaum / folk	0.6
Lain-lain	0.3
Tiada anutan agama	0.5
Tidak diketahui	0.1

### **3.2 Amalan Selepas Kematian Masyarakat Melayu Negeri Sembilan.**

Fakta-fakta berkaitan amalan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan ini penulis perolehi melalui temuramah dengan beberapa orang Pegawai Agama Daerah tempat atau lokasi yang dipilih oleh penulis untuk projek penulisan ini<sup>17</sup> antaranya ialah Ustaz Mat Jusoh bin Sudin, Pegawai Agama Daerah Jempol, pada 16/10/2001 di Pejabat Agama Daerah Jempol, Negeri Sembilan, Ustaz Hussien bin Jalani, Pegawai Pentadbiran Masjid Daerah Jempol, pada 16/10/2001 di Pejabat Agama Daerah Jempol, Negeri Sembilan, Ustaz Mohd. Fadhil Haji Abu Kassim, Pegawai Agama Daerah Kuala Pilah, pada 24/10/2001 di Pejabat Agama Daerah Kuala Pilah Negeri Sembilan dan Ustaz Mohd. Zaidi bin Ramli, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, pada 11/2/2002 di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Penulis juga telah mewawancara Dato' Mohd. Murtadza Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, pada 11/2/2002 dan 3/2/2004 di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Penulis juga telah membuat tinjauan atau observasi di beberapa buah kampung yang berlaku kematian seperti di Kampung Masjid Lonek dan Kampung Sungai Taling di Daerah Kuala Pilah, Kampung Ulu Gadong di Daerah Rembau, Kampung Kuala Jempol dan Felda Palong Satu di Daerah Jempol, Kampung Sungai Dua, dan Pekan Gemencheh di Daerah Tampin, Taman Perumahan Sri Sikamat dan Taman Paroi Jaya di Seremban. Fakta ini disesuaikan dengan pengalaman penulis sendiri sewaktu menghadiri banyak urusan pengendalian jenazah sewaktu belajar peringkat menengah

pada tahun 1989-1991 dan pengajian peringkat diploma sekitar tahun 1991-1994 dahulu sehingga sekolah sekarang.

Semua amalan yang dibahaskan dalam penulisan ini dianggap tradisi kerana perkataan tradisi itu sendiri bermaksud sudah menjadi suatu kebiasaan yang kekal turun-temurun atau sesuatu sesuatu yang sudah sebat dengan sesuatu masyarakat<sup>18</sup>.

Menurut kebiasaan, selepas berlakunya kematian, perkara pertama yang dilakukan ialah menyediakan tempat khusus bagi si mati. Biasanya tempat yang sesuai ialah di serambi rumah ataupun di ruang tamu rumah bagi rumah bawah. Dagu si mati akan diikat dengan kain dan dililit di kepalanya supaya mulutnya tidak terbuka dan tidak dimasuki serangga.

Sendi-sendi si mati dilembutkan dengan menggerak-gerakkan bahagian sendi agar lembut dan mudah untuk dimandikan serta dikafarkan nanti. Pakaian si mati akan ditanggalkan dan diganti dengan pakaian yang nipis dalam keadaan tertutup auratnya. Sehelai kain biasanya berwarna putih akan menutupi seluruh badan si mati.

Sesuatu yang berat sekadar 500 gram diletakkan di atas perut si mati supaya perutnya tidak kembung. Bau-bauan wangi seperti setanggi dipasang di sekitar tempat mayat. Ahli keluarga si mati mula berada di sisi mayat membaca ayat-ayat suci al-Quran dan dihadiahkan pahala bacaannya kepada si mati.

Dalam masa yang sama, urusan menyebarkan berita kematian kepada orang ramai termasuk saudara mara samada yang jauh mahupun dekat turut dilakukan dan apabila berita kematian sudah mula tersebar, mereka akan datang ke rumah si mati untuk mengucapkan takziah kepada ahli keluarga arwah. Dahulu, mereka yang datang akan membawa sedikit bekalan untuk dihadiahkan kepada keluarga si mati sebagai persiapan untuk mengadakan kenduri arwah. Antara barang yang biasa dibawa ialah beras, buah kelapa dan gula. Orang yang datang menziarahi jenazah akan duduk di sisi si mati dan membaca ayat-ayat al-Quran.

Sekumpulan wanita yang terdiri daripada jiran tetangga dan penduduk kampung sibuk di dapur menyediakan makanan untuk kenduri arwah di sebelah malam. Ahli yang pakar dalam urusan penyelenggaraan jenazah akan dipanggil untuk urusan memandikan jenazah dan mengkafankannya. Segala peralatan yang berkaitan disediakan untuk memudahkan proses tersebut.

Berita kematian turut dilaporkan kepada pihak polis terdekat bagi dikeluarkan sijil mati. Dalam masa yang sama juga, penggali kubur diberitahu agar dapat menggali kubur untuk menanam mayat selepas disembahyangkan nanti. Jasad si mati akan diukur terlebih dahulu untuk mengetahui keluasan kubur yang akan digali. Manalaka keluasan kubur akan dibesarkan sedikit dari saiz si mati supaya mudah untuk memasukkan jenazah ke dalam kubur nanti.

Sebelum jenazah dibawa ke tanah perkuburan, ia mesti dimandikan, dikafangkan dan disembahyangkan terlebih dahulu. Biasanya, jenazah akan disembahyangkan buat kali pertama di rumah si mati sejurus selepas selesai urusan memandikannya. Sembahyang ini adalah untuk ahli keluarga si mati dan imam yang dilantik adalah dari ahli keluarga si mati juga. Kemudian jenazah terus dibawa samada ke masjid atau ke surau dimaklumkan oleh ahli-ahli penduduk kampung dan para kenalan si mati. Dari rumah, jenazah dibawa samada secara diusung, atau dibawa melalui kenderaan jenazah kepunyaan masjid qaryah.

Ketika jenazah dibawa keluar dari rumah, didahuluikan kepala jenazah dan ketika jenazah berada di luar rumah, salah seorang dari waris si mati atau wakilnya memberi ucapan ringkas bagi mengucapkan terima kasih di atas bantuan yang telah diberikan di dalam menguruskan jenazah. Turut disebut di dalam ucapan tersebut ialah memaafkan dosa dan kesalahan si mati jika dia ada membuat kesilapan. Jika si mati ada berhutang kepada sesiapa hendaklah dituntut supaya si mati tidak meninggalkan sebarang hutang.

Sebelum melangkah keluar, dibaca terlebih dahulu surah al-Fatiha dan sewaktu di dalam perjalanan ke surau atau masjid, mereka yang mengiringi jenazah akan membaca ayat-ayat suci al-Quran dan ucapan selawat ke atas nabi.

Di masjid atau surau, solat diimamkan oleh imam masjid atau orang alim yang ada di situ. Selepas selesai solat, ahli jemaah akan diberi sedekah wang yang diletakkan di dalam sampul surat. Pemberian ini lebih berbentuk sedekah atau upah kerana

menyembahyangkan jenazah, juga diniatkan agar pahala bersedekah itu adalah untuk si mati.

Kemudian jenazah diusung ke tanah perkuburan untuk dikebumikan dengan diiringi oleh para jemaah. Urusan memasukkan jenazah ke dalam kubur pun bermula. Ini dilakukan oleh penggali kubur dan saudara terdekat si mati. Orang ramai yang berada di sekitar kawasan perkuburan diberikan buku Surah Yāsīn untuk dibaca hadiahkan bacaan tersebut kepada si mati sementara menunggu selesaiannya urusan pengkebumian jenazah. Setelah kawasan kubur diratakan, ditinggikan sedikit tanah kubur itu kadar sejengkal supaya diketahui orang bahawa itu adalah sebuah kubur. Di atas kubur (di bahagian kepala) akan dipacakkan dengan sebatang kayu sepanjang kira-kira 30 c.m. sebagai tanda kubur. Biasanya selepas dua ke tiga bulan kemudian, kayu tersebut akan diganti dengan dua batu nesan satu di bahagian kepala dan satu di bahagian kaki. Di bahagian kepala batu nesan akan ditulis nama si mati dan tarikh kematiannya. Kubur juga akan disimen dan dipagar sebagai menghormati tempat dikebumikan si mati.

Selesai urusan pengkebumian jenazah dan sebelum orang ramai yang mengiringi jenazah pulang ke rumah masing-masing, talqin akan dibaca oleh orang yang dikenali sebagai alim, warak, soleh dan dihormati masyarakat setempat (biasanya imam). Pembaca talqin duduk di bahagian kepala kubur. Ia dibaca untuk mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w. kerana ada riwayat yang menyatakan bahawa baginda s.a.w. ada membacanya.

Kemudian dipacakkan pokok hidup di atas kubur tersebut dan dipasangkan atap bagi melindungi kubur tersebut. Jika tidak dipasangkan atap, ada juga yang meletakkan payung di atas kubur itu. Tujuannya ialah supaya tanah kubur itu tidak rosak jika ditimpa hujan. Ia juga bertujuan supaya dapat diketahui dan dikenal oleh orang ramai yang melintasi tanah perkuburan bahawa saat kematian telah terjadi. Apabila terlihat keadaan seperti itu, manusia yang melalui tanah perkuburan tersebut akan memberi salam, sedekah pahala bacaan ayat al-Quran dan berdoa agar kesejahteraan turut bersama dengan orang yang meninggal dunia itu.

Di sebelah malam hari selepas selesai segala urusan penyelenggaraan ke atas si mati, diadakan pula majlis bacaan tahlil, bacaan Surah Yāsin dan bacaan doa selamat untuk dihadiahkan pahalanya kepada si mati dan selepas dibacakan doa, hadirin yang datang biasanya akan diberi sedikit jamuan. Di setengah tempat, pada malam pertama itu hanya makanan ringan seperti roti dan air sahaja yang disediakan. Namun di tempat lain, ada yang terus menghidangkan nasi dan lauk kepada mereka yang datang. Ini bergantung kepada kemampuan keluarga si mati.

Di setengah tempat lain pula, majlis tersebut hanya diadakan pada malam pertama kematian sahaja, dan ada juga yang mengadakan tiga malam berturut-turut. Antara tujuan majlis kenduri tersebut diadakan adalah untuk menghimpunkan saudara mara dan masyarakat kampung membaca ayat-ayat suci al-Quran, bertahlil dan berdoa untuk disedekahkan pahala bacaan tersebut kepada arwah semoga sampai pahala bacaan

tersebut yang dengan itu akan turut membantu meringankan kehidupan arwah di dalam kubur.

Penyediaan makanan itu bukannya disediakan secara sepenuhnya oleh keluarga si mati bahkan diadakan secara bersama dan biasanya ahli keluarga si mati tidak diberatkan dengan tanggungjawab mempersiapkan segala urusan jamuan lantaran mereka masih bersedih dengan kematian yang berlaku. Jiran tetangga dan saudara mara lebih berperanan memastikan perjalanan majlis kenduri arwah berjalan lancar demi untuk tidak membebankan tuan rumah.

Selepas kenduri arwah malam kedua atau ketiga, akan diadakan perbincangan sesama ahli keluarga si mati bagi menyelesaikan hal yang bersangkut paut dengan wasiat atau pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati.

Ada juga di kalangan anggota masyarakat yang mengadakan majlis kenduri arwah selepas 40 dan 100 hari kematian. Namun sekarang jumlah harinya tidak lagi dihitung bergantung kepada kemampuan keluarga si mati. Konsepnya sama seperti kenduri arwah hari pertama.

Upacara menunggu kubur di malam hari tidak lagi diamalkan di dalam masyarakat. Menurut Yang Berbahagia Sahibus Samahah Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Haji Murtadza Haji Ahmad dan Us. Mohd. Zaidi bin Ramli, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan<sup>19</sup>, istilah menunggu kubur lebih berbentuk istilah penggunaan orang kampung kerana orang dahulu

menggunakannya sebagai kaedah untuk berkumpul di tanah perkuburan bagi membaca ayat-ayat al-Quran untuk dihadiahkan pahalanya kepada si mati. Pernah juga berlaku dahulu orang menunggu kubur di malam hari bagi menjaga kubur tersebut dan mengelakkan jenazah itu dari dicuri.

Berkaitan dengan perbelanjaan dalam menguruskan jenazah adalah dengan menggunakan wang khairat kematian yang dikutip setiap bulan oleh ahli qaryah yang terlibat. Jumlah kutipan sebulan tidaklah sama di antara satu kampung dengan yang lain rata-ratanya di antara RM 2.50 – RM 10.00 seperti yang dikutip oleh penduduk di Kampung Masjid Lonek di daerah Kuala Pilah. Dengan wang tersebut akan dibeli kelengkapan menguruskan jenazah. Jika tidak mencukupi, keluarga si mati akan menambah dengan duit mereka sendiri.

**3.3 AMALAN TRADISI SELEPAS KEMATIAN MASYARAKAT  
MELAYU NEGERI SEMBILAN SERTA PANDANGAN FUQAH  
MENGENAINYA.**

**3.3.1 Pendahuluan**

Terdapat beberapa amalan yang dianggap tradisi peninggalan generasi terdahulu berkaitan dengan penyelenggaraan terhadap si mati. Amalan yang diwarisi secara turun temurun ini ada kalanya dianggap sebagai rutin biasa apabila berlakunya sesuatu kematian.

Dalam bab ini penulis akan menyenaraikan beberapa amalan yang dikatakan sebagai tradisi dengan beberapa analisis hukum yang dipetik dari beberapa kitab *fiqh* karangan ulama silam dan kontemporari.

Turut dipetik pendapat daripada Mufti Kerajaan Negeri Sembilan iaitu Dato' Haji Mohd. Murtadza bin Haji Ahmad terhadap beberapa amalan masyarakat selepas berlakunya sesuatu kematian. Ini diperolehi melalui temuramah dengan beliau di pejabatnya pada 11 Februari 2002 dan 3 Februari 2004.

### 3.3.2

### Memasang Bau-bauan di Sisi Mayat

Menjadi satu amalan biasa masyarakat Melayu Negeri Sembilan memasang bau-bauan seperti setanggi dan kemeyan. Semasa kematian Pakcik Ahmad b. Shamsudin pada 23 Oktober 2003 di Kampung Kuala Jempol, Negeri Sembilan penulis dapat memang ada dibakar setanggi. Perkara yang sama turut berlaku ketika melawat jenazah Pakcik Rahman di Kampung Nuri Kuala Pilah pada 14 Julai 2003, arwah Abdullah di Kampung Bayai, Jempol, dan arwah Zaleha bte. Mustafa di Kampung Kuala Jempol, Bahau Negeri Sembilan pada 27 Januari 2004. Menurut penduduk di sana, setanggi dibakar bertujuan untuk memberi bau wangi dan keharuman suasana persekitaran supaya dapat menghalang bau yang kurang enak dari si mati yang telah meninggal dunia. Amalan ini tidak ada kena mengena langsung dengan perbuatan memanggil jin atau makhluk-makhluk halus. Semasa mayat hendak dimandikan, semakin banyak setanggi dibakar. Namun tidak semua tempat ada melakukan perkara yang sama kerana menurut Imam Surau al-Hadi di Perumahan Sri Sikamat Seremban, Tuan Haji Zulkapli Abdul Rahman, di kawasan tersebut tidak dibakar setanggi mahupun kemeyan. Ini terbukti apabila penulis dapat setanggi tidak dibakar sewaktu kematian Jaya bin Abdullah di Perumahan Sri Sikamat Seremban pada 1 Februari 2003. Begitu juga sewaktu penulis menziarahi jenazah Abdul Rahman yang meninggal pada 12 Jun 2003 dan jenazah Mohd. Yazid bin Ahmad Anuar yang meninggal pada 28 Ogos 2003 di Kampung Ulu Gadong, Rembau Negeri Sembilan.

Berhubung dengan amalan ini, al-Zuhayli ada menyebut di dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami* Wa Adillatuhu bahawa ia termasuk di dalam perkara yang boleh

dilakukan<sup>20</sup>. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Dato' Hj. Mohd. Murtadza b. Hj. Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang menyebut bahawa setanggi dan kemeyan dibakar untuk memberi suasana wangi di tempat jenazah diletakkan<sup>21</sup>.

### 3.3.3      **Membaca al-Quran di Sisi Mayat**

Suatu yang menjadi kelaziman apabila berlaku sesuatu kematian ialah membaca ayat al-Quran di sisi mayat. Ia bermula sebaik sahaja mayat dibaringkan di atas rumah sehingga ke saat untuk memandikannya. Keadaan ini dapat dilihat melalui pengalaman penulis semasa kematian Pakcik Ahmad b. Shamsudin pada 23 Oktober 2003 di Kampung Kuala Jempol, Negeri Sembilan, Pakcik Rahman di Kampung Nuri Kuala Pilah pada 14 Julai 2003, arwah Abdullah di Kampung Bayai, Jempol, arwah Zaleha bte. Mustafa di Kampung Kuala Jempol, Bahau Negeri Sembilan pada 27 Januari 2004, arwah Abdul Rahman yang meninggal pada 12 Jun 2003 dan Mohd. Yazid bin Ahmad Anuar yang meninggal pada 28 Ogos 2003 di Kampung Ulu Gadong, Rembau Negeri Sembilan.

Malah ada yang berlaku, waris dan saudara saudara si mati menghatamkan al-Quran melalui bacaan yang telah dibahagikan mengikut juzuk dalam al-Quran. Sesiapa sahaja yang datang melawat jenazah akan mengambil buku bacaan surah Yāsin atau al-Quran untuk dibaca bagi dihadiahkan pahala bacaan tersebut kepada si mati. Biasanya tuan rumah akan menyediakan buku bacaan surah Yāsin dan mashaf al-Quran bagi memudahkan orang ramai membacanya.

Surah yang dibaca bukan setakat surah Yāsīn sahaja, malah apa-apa sahaja surah bergantung kepada si pembaca tetapi atas niat yang satu untuk dihadiahkan pahala bacaan kepada si mati.

Melihat kepada apa yang diamalkan ini, ia tidaklah dilarang kerana memang terdapat beberapa nas dan dalil bahawa bacaan surah Yāsīn di sisi mayat adalah dituntut.

Hadith daripada Ma'qil ibn. Yasār ada menyebut bahawa baginda Rasulullah s.a.w. telah bersabda :

اقرؤوا بس على موتاكم رواه ابو داود و صححه ابن حبان

maksudnya : *bacalah surah Yāsīn ke atas orang-orang mati dari kalangan kamu* ( riwayat Abū Dāud dan dianggap sahih oleh Ibn Ḥibbān )<sup>22</sup>.

Ramai ulama menyebut di dalam kitab mereka tentang kewajaran membaca surah Yāsīn untuk dibaca di sisi si mati. Mereka termasuklah al-Imām al-Nawawi, al-Syarbīnī, al-Zuhaylī, Sayyid Sābiq dan Daud al-Faṭānī<sup>23</sup>.

### 3.3.4 Pemberian Wang Selepas Solat Jenazah

Sebelum dikebumikan di tanah perkuburan, jenazah akan disembahyangkan terlebih dahulu samada di rumah, surau atau masjid. Selepas selesai solat, waris si mati akan menunggu di luar rumah, surau dan masjid untuk memberikan wang sedekah yang telah siap dimasukkan di dalam sampul surat. Jumlah wang yang diberikan adalah bergantung kepada kemampuan keluarga si mati.

Berkaitan dengan amalan memberi wang kepada orang yang menyembahyangkan jenazah, ia lebih menjurus kepada amalan sedekah, hadiah atau *hibah* keluarga si mati kepada orang yang melakukan sembahyang mayat itu sebagai tanda terima kasih. Duit yang disedekahkan itu diniatkan sebagai pahala buat si mati agar pahala tersebut sampai kepadanya. Namun begitu, ia tidak menggunakan duit peninggalan si mati, kecuali jika si mati telah mewasiatkan terlebih dahulu sebelum kematianya.

Penulis telah beberapa kali menyertai solat jenazah di Daerah Kuala Pilah, Jempol dan Tampin dan Rembau ternyata amalan ini memang berlaku. Biasanya wang yang diberikan sejumlah RM1.00 atau RM2.00 dan diberikan selepas tamat solat jenazah. Penulis dapat antara cara pemberian wang yang digunakan ialah dengan menghulurkan sampul surat berisi wang di pintu masjid dan surau. Ada juga yang terus memasukkan sampul surat tersebut ke dalam poket baju orang yang bersembahyang jenazah.

Namun begitu, tidak semua tempat melakukan amalan yang sama kerana ia lebih bergantung kepada ahli keluarga si mati samada ingin bersedekah ataupun tidak. Sewaktu menyembahyangkan jenazah Abdul Rahman di Kampung Ulu Gadong Rembau pada 12 Jun 2003 waris si mati iaitu Haji Zulkapli menyatakan wang tersebut tidak diberikan dengan alasan ianya tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

Berdasarkan kepada keadaan ini, terdapat dua pegangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan terhadap amalan pemberian wang upah solat jenazah :

1. bersetuju dan mengamalkannya
2. tidak bersetuju dan menolaknya.

Golongan yang mengamalkannya berpendapat bahawa itu adalah satu sedekah, hadiah atau *hibah* untuk disedekahkan pahalanya kepada si mati dengan harapan ianya diterima Allah. Manakala golongan yang menolaknya dengan tegas menyatakan bahawa amalan seumpama itu tidak pernah dilakukan oleh Baginda s.a.w. maka tidak wajarlah dilakukan sesuatu yang tidak disuruh Rasulullah s.a.w.

Penulis berpendapat bahawa pemberian sedekah wang selepas solat jenazah bukanlah suatu kesalahan. Ini merujuk kepada niat atau tujuan wang tersebut diberikan iaitu sebagai satu sedekah, hadiah atau hibah. Waris si mati bersedekah untuk dirinya dan juga mengharapkan pahala sedekah itu sampai kepada si mati. Kadang-kadang berlaku keadaan di mana si mati semasa hayatnya pernah berwasiat supaya diambil wang simpanannya untuk diberikan kepada orang ramai yang menyembahyangkan jenazahnya nanti.

Antara sandaran ayat al-Quran dalam menyatakan bahawa bersedekah itu satu amalan mulia ialah Firman Allah S.W.T. :

إِنَّمَا الْمُبَدِّلُو الصَّدَقَاتِ فَيَعْتَاهِي وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْمِنُوهَا الْفُقَرَاءُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ

bermaklud : jika kamu menampakkan sedekah mu, maka itu adalah baik sekali dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikannya itu adalah lebih baik bagimu.

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 271

FirmanNya lagi :

وَمَا تُنْفِقُنَّ إِلَّا بَيْعَاءً وَجَهَالَةً وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوفَ إِلَيْكُمْ وَآتَشُمْ لَا تُظْلَمُونَ

bermaksud : dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keredhaan Allah. Apa sahaja harta yang baik yang kamu nafkahkan, nescaya akan diberi pahala yang cukup sedang kamu tidak sedikit pun akan dianjaya (dirugikan)

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 272

Manakala di dalam surah al-Ahzāb ayat 35 Allah S.W.T akan memberi keampunan dan pahala yang amat besar kepada mereka yang bersedekah samada lelaki mahupun perempuan dan itulah sebenarnya sifat orang yang beriman.

Manakala sandaran hadith yang menyokong perbuatan bersedekah samada semasa hidup atau selepas kematian seseorang adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini. Terdapat satu hadith yang menyebut bahawa waris seperti anak boleh bersedekah bagi pihak mereka yang telah meninggal dunia seperti ibu. Sabda Rasulullah s.a.w. :

عن عائشة ان امراة قالت : يا رسول الله ان امي اقتلت نفسها ولو لا ذلك لتصدق

و اعطت افتحزى (فيحزى) ان اتصدق عنها ؟ فقال النبي (ص) نعم فتصدق عنها

رواه ابو داود

maksudnya : daripada 'Aisyah, seorang wanita bertanya : wahai Rasulullah s.a.w. sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia secara mengejut, jika tidak nescaya dia akan bersedekah dan memberi bantuan kepada orang, bolehkah aku bersedekah bagi pihak dirinya? Nabi menjawab boleh, bersedekahlah engkau bagi pihaknya (riwayat Abū Daud).<sup>24</sup>

Hadith ini menjelaskan bahawa seorang anak boleh bersedekah bagi pihaknya untuk ibu apabila si ibu telah meninggal dunia dan ini diibaratkan oleh Nabi sebagai satu perbuatan mulia.

قال رجل : يا رسول الله من احق الناس بحسن الصحبة ؟ قال : امك ثم امك ثم

امك ثم ابوك ثم ادناك ادناك رواه مسلم

maksudnya : *seorang lelaki bertanya wahai Rasulullah kepada siapakah yang paling utama untuk aku buat kebaikan? Jawab baginda, ibumu kemudian ibumu kemudian ibumu dan kemudian bapamu dan kemudian kaum kerabatmu* (riwayat Muslim)<sup>25</sup>

Maksud hadith ini ialah untuk menunjukkan bahawa amalan kebajikan yang paling utama bagi seseorang anak adalah untuk kedua ibu bapanya samada ketika hidayah atau selepas kematian mereka.

Dalam masalah lain, jika seorang isteri membelanjakan harta kepunyaan suaminya untuk tujuan kebaikan tanpa pengetahuan suami maka si suami akan mendapat separuh daripada pahala tersebut. Ini berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. daripada Abu Hurayrah :

قال رسول الله (ص) اذا انفقت المرأة من كسب زوجها عن غير امره فله نصف اجره

من حق عليه

maksudnya : *apabila seorang isteri membelanjakan harta atau bersedekah dengan menggunakan duit suami tanpa pengetahuannya, maka bagi suami itu sebahagian dari pahala sedekah tersebut (muttafaq 'alaih)*<sup>26</sup>.

-

Melihat kepada hadith ini, adalah dibolehkan jika seorang isteri menggunakan duit hasil kerja suaminya untuk tujuan sedekah walaupun tanpa diketahui oleh suaminya. Maka jika dikiaskan dengan suami yang telah meninggal dunia, maka pahalanya adalah sama juga.

Apabila dikaitkan semula dengan bayaran upah terhadap urusan kematian terutama pemberian kepada orang yang mengerjakan solat jenazah, pendapat dalam mazhab Syāfi'i dan mazhab Hanafi menyebut adalah tidak harus diupah kerana solat jenazah itu adalah termasuk dalam fardhu kifayah yang tidak harus diupah dengan sesuatu bayaran. Namun apa yang telah penulis nyatakan sebelum ini bahawa pemberian itu lebih kepada wang sedekah, hadiah atau *hibah*.

Berdasarkan fakta dan dalil yang telah dinyatakan bolehlah dibuat kesimpulan bahawa amalan masyarakat Melayu Negeri Sembilan yang memberi wang kepada mereka yang melakukan solat jenazah tidaklah menjadi satu larangan syarak kerana tujuan dan matlamat dari amalan tersebut adalah murni, bukan semata-mata menghidupkan perkara tradisi yang di perturunkan dari generasi ke generasi. Penulis tidak bersetuju dengan pendapat yang menyatakan ia adalah bid'ah atas alasan ia tidak dilakukan pada zaman Rasulullah. Ini adalah kerana adat atau *urf* tersebut telah diterima sebagai amalan mulia masyarakat yang suka menderma dan menolong orang lain.<sup>27</sup>

### 3.3.5

### **Meletakkan Batu Nesan di Atas Kubur**

Menjadi satu kebiasaan kepada masyarakat Melayu Negeri Sembilan meletakkan batu nesan di atas kubur selepas mayat dikebumikan. Penulis melihat di beberapa buah tanah perkuburan seperti Tanah Perkuburan Sikamat dan Tanah Perkuburan Taman Paroi Jaya Seremban, Tanah Perkuburan Leban, Kampung Tengah dan Kampung Sungai Taling di Batu Kikir, Tanah Perkuburan Paya Padang Lalang, Tanah Perkuburan Kampung Cacar dan Kampung Kuala Jempol di Jempol, Tanah Perkuburan Felda Bukit Rokan, Kampung Asahan, Tanah Perkuburan Repah dan Tanah Perkuburan Pekan Tampin di Daerah Tampin dan Tanah Perkuburan Kampung Paya dan Gadong di Rembau.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak terdapat amalan meletakkan atau menegakkan batu nesan seperti yang dilakukan oleh masyarakat kini. Namun Rasulullah meletakkan tanda seperti kayu dan batu di atas kubur supaya diketahui orang bahawa itu adalah kubur. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa meletakkan tanda di atas kubur adalah dibenarkan

Ini adalah berdasarkan perbuatan Rasulallah s.a.w. yang meletakkan tanda seperti kayu dan batu. Begitu juga dengan membuat sedikit binaan yang menunjukkan itu adalah kubur<sup>28</sup>.

Terdapat hadith yang menyebut bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pernah meletakkan batu-batu kecil di atas kubur anaknya Ibrāhim dan menyiram air di atas kubur itu :

ان رسول الله صلى الله عليه وسلم رش على قبر ابنه ابراهيم ووضع عليه حصباء

maksudnya : *bahawa Rasulullah s.a.w. menyiram air di atas kubur anaknya Ibrahim dan meletakkan batu-batu kecil di atasnya*<sup>29</sup>.

Nabi s.a.w. juga telah menandakan kubur seorang sahabatnya iaitu Uthmān ibn Ma'zūn dengan batu. Ini dijelaskan dalam satu hadith :

لما مات عثمان بن معظون أخرج بجنازته فدفن فامر النبي (ص) رجلاً ان ياتيه بحجر فلم

يستطيع حمله فقام اليها رسول الله (ص) و حسر (فحسر) عن ذراعيه ثم حملها فوضعها

عند راسه و قال : اتعلم (اعلم) ما قبر اخي و ادفن اليه من مات من اهلي رواه

ابو داود

maksudnya : apabila Uthmān ibn Ma'zūn meninggal dunia, jenazahnya dibawa keluar lalu dikuburkan. Nabi s.a.w. menyuruh seorang lelaki mengambil batu tetapi lelaki itu tidak mampu mengangkatnya. Rasulullah s.a.w. bangun dan mengangkat batu itu dan menyingsingkan kedua lengan baju baginda. Kemudian batu itu dibawa lalu diletakkan di sebelah kepala kubur sambil baginda bersabda "aku memberi tanda kubur saudaraku dan aku akan menguburkan di sini seseiapa yang meninggal dunia dari kalangan ahli keluarga ku"<sup>30</sup>.

Berdasarkan kepada hadith di atas jelas menunjukkan bahawa amalan menandakan kubur telah dilakukan sejak zaman Rasulullah s.a.w. cuma dalam bentuk

yang berbeza. Melihat kepada apa yang dilakukan masyarakat kini, ia tidaklah menjadi satu kesalahan malah dibenarkan dalam syariat Islam dan ini disahkan oleh Yang Berbahagia Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan<sup>31</sup>.

### 3.3.6      **Menulis Nama di Atas Kubur atau Batu Nesan.**

Amalan menulis nama si mati dan tarikh kematiannya pada batu nesan juga banyak berlaku di Negeri Sembilan. Di tanah perkuburan yang penulis lawati seperti lokasi yang disebutkan pada tajuk “Meletakkan Batu Nesan di Atas Kubur” memang banyak kubur yang ditulis nama dan tarikh kematian iaitu hampir 90 peratus dari jumlah keseluruhan kubur. Sebagai contoh, sewaktu penulis melawat Tanah Perkuburan Sikamat Seremban pada 3 Februari 2004 yang menempatkan kubur seorang ulama terkenal Negeri Sembilan Syeikh Hj. Mohd. Said al-Lingga memang ada tertulis nama dan tarikh beliau meninggal dunia. Kubur beliau dipagar dan dikebumikan di dalam kawasan pagar tersebut 12 orang dari kaum keluarga beliau dan penulis dapati semua kubur tersebut tertulis nama dan tarikh kematian.

Tidak terdapat nas yang jelas tentang suruhan atau larangan menulis nama pada batu nesan tetapi hanya terdapat larangan menulis nama di atas kubur. Ini berdasarkan kepada satu hadith Nabi daripada Jābir :

نَهِيَ رَسُولُ اللَّهِ (ص) أَنْ يَتَعَصَّبَ الْقَبْرُ وَأَنْ يَكْتُبَ عَلَيْهَا وَأَنْ يَبْيَنَ عَلَيْهَا وَأَنْ تَوْطَدْ

رواہ الترمذی

maksudnya : *daripada Jābir katanya, Rasulullah s.a.w. melarang perbuatan mengapur, menulis, membuat binaan dan berjalan di atas kubur*<sup>32</sup>.

Idris al-Marbawi di dalam kitab *Baḥr al-Mādhi* iaitu kitab yang memuatkan hadith riwayat al-Tirmidhi ada menyatakan pandangan para ulama terhadap perbuatan menulis di atas kubur. Beliau menukilkan pendapat dari al-Imām al-Nawawi bahawa al-Imam al-Syāfi'i dan pengikutnya menyatakan makruh menulis sesuatu di atas kubur samada nama si mati, tuannya atau sebagainya. Pendapat ini turut dipegang oleh jumurul ulama seperti al-Imām Mālik, Ahmad dan Dāud. Namun begitu al-Imām Abū Ḥanīfah berpendapat bahawa perbuatan tersebut tidaklah makruh dan ianya dibolehkan<sup>33</sup>.

Al-Marbawi turut menyebut bahawa larangan menulis itu meliputi segala macam tulisan samada di atas kubur, bahagian kepala kubur atau di batu nesan<sup>34</sup>.

Sayyid Sābiq turut menyebut persoalan ini di dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah*. Antara lain beliau menulis bahawa pendokong dan pengikut mazhab Syāfi'i (al-Syāfi'iyyah) menyatakan hukumnya adalah makruh, cuma yang dibolehkan ialah menulis nama orang alim supaya diketahui kuburnya. Al-Ḥanābilah dan al-Mālikiyah menyatakan ianya makruh. Al-Ḥanafiyah menyatakan hukumnya adalah *karāḥah taḥrīm* (makruh yang hampir kepada haram) dengan mengecualikan bahawa dibolehkan menulis di atas kubur jika dikhawatiri kemungkinan hilangnya tanda atau bukti bahawa itu adalah kubur<sup>35</sup>.

Dr. Wahbah al-Zuhayli juga menaqalkan pendapat yang sama tetapi dengan sedikit penambahan. Beliau menyebut pendapat daripada al-Hākim yang menyatakan bahawa memang ada nas yang melarang perbuatan menulis di atas kubur iaitu hadith daripada Jābir, tetapi amalan di banyak tempat tidaklah seperti larangan dalam hadith. Ini adalah kerana ramai umat Islam dari timur ke barat ada tulisan pada kubur mereka dan ini adalah amalan yang diambil oleh ulama *khalaf* daripada ulama *salaf* dan disokong oleh riwayat Abū Dāud dengan *sanad* yang baik bahawa Rasulullah s.a.w. meletakkan batu sebagai tanda kubur seperti hadith yang telah dinyatakan sebelum ini. Ini adalah bertujuan sebagai identiti kubur. Al-Zuhayli di dalam kesimpulannya menyebut makruh menulis di atas kubur tanpa ada alasan, menulis sesuatu ayat al-Quran, syair atau kata-kata pujian kepada si mati<sup>36</sup>.

Terdapat ramai ulama lain yang melarang perbuatan menulis nama di atas kubur melalui kitab-kitab karangan mereka. Ini termasuklah al-Khaṭīb al-Syarbīnī di dalam kitabnya *Mughnī al-Muḥtāj* dan al-Husainī melalui kitabnya *Kifāyah al-Akhyār*<sup>37</sup>.

Berdasarkan pendapat ini dan merujuk kepada amalan masyarakat hari ini, perbuatan menulis nama si mati dan tarikh kematiannya adalah harus supaya diketahui siapa penghuni kubur tersebut. Namun begitu ia akan menjadi satu kesalahan pula jika batu nisan itu diukir cantik dengan perbelanjaan yang besar kerana ia boleh membawa kepada pembaziran, perasaan riak dan menunjuk-nunjuk kepada orang lain.

Di Negeri Sembilan juga terdapat amalan menanam pokok di atas kubur. Tanah perkuburan yang penulis lawati adalah sama seperti lokasi pada tajuk 3.3.5 dan 3.3.6. Antara pokok yang paling banyak ditanam di atas kubur ialak pokok bunga puding dan pokok stualang.

Tidak terdapat nas yang jelas tentang suruhan atau larangan menanam pokok di atas kubur. Para ulama sendiri tidak menjelaskan secara terperinci hukum mengenainya.

Namun begitu, mengikut pendapat Mazhab Syāfi'i, sunat meletakkan sesuatu yang hidup seperti kayu dan pelepas tamar. Ini berdasarkan kepada sunnah Rasulullah s.a.w. yang telah meletakkan pelepas tamar di atas kubur. Turut dibolehkan ialah meletakkan batu-batu, tumbuhan yang mengeluarkan bau wangi, kayu dan benda-benda yang basah atau lembab sebelum ia kering<sup>38</sup>.

Di dalam kitab *al-Iqnā'*, al-Syarbīnī al-Khaṭīb menambah bahawa sunat meletakkan apa sahaja yang hidup dan orang lain tidak boleh mengambil atau mengalihkannya kerana selama mana keadaannya masih basah dan hidup, ia akan memohon ampun kepada Allah terhadap penghuni kubur tersebut. Maka apabila tumbuhan tersebut dialihkan, tiadalah peluang ahli kubur tersebut untuk mendapat manfaat daripada tanaman yang hidup itu<sup>39</sup>.

Al-Zuhayli menaqaṣṣkan pendapat Mazhab Ḥanafī bahawa makruh memotong tumbuh-tumbuhan yang masih basah dan rumput yang terdapat di atas kubur kecuali jika ia sudah kering maka bolehlah dicabut atau dipotong. Ini adalah kerana selama ia masih basah ia bertasbih dan memberi kerahmatan melalui zikirnya itu. Sunat juga dipacakkkan pelepah tamar di atas kubur<sup>40</sup>.

Terdapat s'atu hadith yang boleh dijadikan s'andaran dalam menyatakan bahawa tumbuhan yang masih hidup boleh memberi manfaat kepada si mati. Hadith riwayat Ibn. 'Abbas :

مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى قَبْرِينَ فَقَالَ : إِنَّمَا لِي عِذْبَانٌ وَمَا يَعْذِبُنِي فِي كَبِيرٍ . ثُمَّ

قَالَ بَلِي ، إِمَّا أَحَدُهُمَا فَكَانَ يَسْعَى بِالنَّمِيمَةِ وَإِمَّا الْآخَرُ فَكَانَ لَا يَسْتَرُ مِنْ يَوْمِنِهِنَّ قَالَ :

ثُمَّ اخْذَ عُودًا رَطْبًا فَكَسَرَهُ بِاثْنَيْنِ ثُمَّ غَرَزَ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَلَى قَبْرٍ ثُمَّ قَالَ : لَعْلَهُ يَخْفَفُ

عَنْهُمَا مَا لَمْ يَبْسُطَا رِوَايَةُ الْبَخَارِيِّ

maksudnya : Nabi s.a.w. telah melalui dua kubur lalu bersabda : bahawa sesungguhnya mereka berdua ini sedang disiksa tetapi bukan kerana kesalahan yang besar. Salah seorang darinya disiksa kerana dosa mengumpat manakala seorang lagi kerana tidak beristinjak selepas kencing. Kemudian Nabi mengambil pelepah tamar yang masih hijau, dibelah dua dan ditanam atas kedua-dua kubur itu lalu bersabda : mudah-mudahan ia akan meringankan azab ahli kubur ini selama pelepah itu masih hidup dan hijau ( riwayat al-Bukhārī.).<sup>41</sup>

Hadith ini menjelaskan bahawa meletakkan sesuatu yang masih hidup di atas kubur boleh memberi manfaat kepada si mati selama tumbuhan itu masih hidup.

Maka berdasarkan kepada hadith tersebut dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tidaklah menjadi satu kesalahan jika ditanam pokok di atas kubur bagi tujuan yang sama. Mudah-mudahan boleh memberi faedah kepada ahli kubur tersebut.

Namun begitu, kini muncul satu budaya baru yang telah mula diamalkan oleh penduduk Negeri Sembilan iaitu meletakkan beberapa tangkai bunga seperti bunga orkid di atas kubur yang diziarahi. Situasi ini berlaku di kawasan bandar seperti Seremban tetapi tidak terdapat di tanah kubur kawasan kampung. Berdasarkan lawatan penulis di beberapa buah tanah perkuburan (seperti lokasi pada tajuk 3.3.5 dan 3.3.6) penulis dapat bahawa tangkai bunga tersebut hanya ada pada kubur di Tanah Perkuburan Taman Paroi Jaya dan Tanah Perkuburan Sikamat di Seremban, sedangkan pada kubur lain tidak terdapat bunga yang diletakkan atas kubur. Penulis melawat kedua-dua tanah perkuburan tersebut pada 3 Februari 2004 dan didapati bahawa perbuatan tersebut memang berlaku. Bunga tersebut dimasukkan dalam pasu dan diletakkan pada batu nesan bahagian kepala kubur.

Persoalan di sini, apakah hukum dan pandangan Islam terhadap amalan tersebut adakah ianya dibolehkan atau dilarang? Untuk mendapat kepastian, penulis telah bertanya kepada Yang Berbahagia Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Dato' Haji Murtadza dan beliau menjawab bahawa Majlis Fatwa Kebangsaan akan mengeluarkan fatwa berkenaan dengannya tidak lama lagi<sup>42</sup>.

Talqin dari segi bahasa bermaksud memberi faham<sup>43</sup>. Menurut istilah pula ia bermaksud mengingatkan orang mati tentang beberapa perkara ketika berhadapan dengan malaikat Munkar dan Nakir<sup>44</sup>. Manakala menurut pengertian Kamus Dewan, talqin bermaksud membisikkan kalimah *syahādah* kepada orang mati<sup>45</sup>.

Melihat kepada definisi yang diberikan dan dikaitkan dengan pengamalan masyarakat Melayu, kesemua takrifan itu telah menggambarkan apa yang selama ini dilakukan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

Apa yang ingin difokuskan di sini ialah bentuk talqin yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan selepas dikebumikan jenazah di tanah perkuburan.

Sejurus selepas dikebumikan, teks talqin mula dibaca oleh orang yang mempunyai pengetahuan tentangnya, biasanya ialah imam masjid atau waris si mati yang lancar bacaannya. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan telah menyusun dan menyelaraskan teks talqin seperti mana yang telah disusun oleh Haji Nawawi bin Hasan (lihat lampiran).

Walaubagaimanapun ulama berbeza pendapat di dalam masalah membaca talqin kepada orang yang telah meninggal dunia kerana terdapatnya nas-nas yang bertentangan. Al-Imām Ahmad menyatakan ianya tidak disyariatkan di dalam Islam. Manakala al-

Imām Mālik berpendapat ianya makruh kerana tidak pernah dilakukan oleh para ulama' Madinah. Al-Imam al-Syāfi'i dan al-Imam Abū Ḥanīfah menyatakan ianya sunat walaupun sandaran dalilnya adalah daripada hadith-hadith daif<sup>46</sup>.

Al-Imam al-Nawawi mencatatkan di dalam kitab *Rawdah at-Tālibīn* dan *al-Adzkār* bahawa amalan bertalqin adalah sunat di sisi Imām al-Syāfi'i dan al-Syāfi'yyāh. Di antara ulama mazhab ini yang menyokong amalan tersebut antaranya ialah al-Qādī Hussian, Syekh Naṣr al-Maqdasi di dalam kitabnya *at-Tahdhīb*, Abu Sa'id al-Mutawallī dan al-Imām Abū al-Qāsim al-Rifā'i. Al-Syekh al-Imām Abū 'Amrū apabila ditanya berkenaan dengan bacaan talqin, beliau menyatakan "kami beramal dengannya". Namun talqin tidak dibacakan kepada mayat kanak-kanak yang belum aqil baligh<sup>47</sup>.

Manakala di kalangan ulama tempatan Malaysia yang bersetuju dengan amalan bacaan talqin termasuklah Dr. Haron Din, Ishak Din dan Abu Hassan Din al-Hafiz di dalam himpunan fatwa buku *Soal Jawab Fiqh Harian*. Pendapat mereka tidak lari dari lingkungan apa yang ditegaskan di dalam mazhab Syāfi'i<sup>48</sup>.

Bagi golongan yang tidak bersetuju dengan amalan bacaan talqin selepas dikebumikan mayat, mereka berpendapat bahawa orang-orang yang telah meninggal dunia tidak mendengar apa-apa bacaan atau suara orang yang masih hidup. Firman Allah S.W.T :

أَئُكُلَا لَأَسْمِعَ الْمَوْتَىٰ

maksudnya : sesungguhnya engkau Muhammad tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati itu mendengar -Terjemahan surah al-Naml (27): 80

FirmanNya lagi :

وَمَا أَنْتَ بِمُسْمِعٍ مِّنْ فِي الْقُبُوْرِ

maksudnya : kamu tidak sekali-kali dapat menjadikan orang yang di dalam kubur itu dapat mendengar – Terjemahan Surah Fâtir (35) : 22

Berdasarkan kepada dua ayat tersebut, jelas menerangkan bahawa orang-orang yang telah meninggal dunia tidak dapat mendengar perkataan orang yang masih hidup, maka kalau begitu keadaannya, maka apakah faedah dibacakan talqin?.

Namun begitu, terdapat hadith yang menyatakan bahawa orang-orang yang telah meninggal dunia sebenarnya mendengar apa-apa yang diucapkan oleh orang-orang yang masih hidup. Ini dibuktikan melalui ucapan daripada baginda s.a.w. sendiri sepertimana yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulallah s.a.w. ketika di tepi perigi medan Badar berkata-kata kepada Abû Jahal, Syaibah b. Rabi'ah, Utbah b. Râbi'ah dan Umaiyyah b. Khalaf yang telah terbunuh sewaktu Perang Badar. Para sahabat bertanya kepada baginda adakah mereka mendengarnya sedangkan mereka sudah meninggal dunia. Rasulullah s.a.w. bersabda :

ما انت باسمع لما اقول منهم و لكنهم لا يستطيعون ان يجربوا رواه النسائي

maksudnya : demi zat yang telah mengutusku dengan kebenaran, tidaklah kamu sekalian lebih mendengar daripada mereka terhadap apa yang telah aku katakan, cuma mereka tidak dapat menjawab (riwayat al-Nasâ'i).<sup>49</sup>

Riwayat yang hampir sama dinyatakan dalam *Musnad Imam Ahmad b. Hanbal* cuma periwayatnya sahaja yang berlainan<sup>50</sup>.

Anas ada meriwayatkan satu hadith yang menjelaskan bahawa orang-orang yang telah meninggal dunia sebaik sahaja ia dikebumikan, mendengar bunyi tapak kaki orang yang meninggalkan tanah perkuburan :

ان العبد اذا وضع في قبره و تولى عنه اصحابه انه ليسمع قرع نعاصم رواه ابو داود

maksudnya : *s esungguhnya apabila seseorang itu dimasukkan ke dalam kubur dan saudara mara berlalu pergi, bahawa si mati itu mendengar bunyi tapak kaki mereka* (riwayat Abū Dāud)<sup>51</sup>

Hadith tersebut adalah kenyataan Nabi s.a.w. kepada ‘Umar al-Khaṭṭāb bahawa orang-orang musyrikin yang terkorban di dalam peperangan Badar boleh mendengar ucapan Nabi s.a.w. walaupun jasad mereka telah ditanam.

Walaupun hadith-hadith yang dijadikan sandaran adalah lemah, tetapi ia dikuatkan dengan hadith-hadith *fāḍil* amal atau kelebihan amal yang boleh kita bertolak ansur bagi diamalkan mengikut pendapat ulama-ulama hadith<sup>52</sup>.

Di antara hadith yang menjadi pegangan golongan yang mengatakan talqin diharuskan ialah :

1.

عن ضمرة بن حبيب رضي الله عنه احد التابعين قال كانوا يستحبون اذا سوى على

الميت قبره و انصرف الناس عنه ان يقال عند قبره يا فلان قل لا اله الا الله ثلاث مرات يا

فلان قل ربى الله و ديني الاسلام ونبي محمد

maksudnya : daripada Damroh b. Habib r.a. (salah seorang tabiin), dia berkata : apabila telah diratakan kubur dan orang-orang telah pergi, maka dibacakan di sisi kuburnya : hai fulan, bacalah Lā Ilāh Illā Allāh tiga kali, hai fulan katakanlah Tuhanmu ialah Allah, agamaku Islam dan Nabi ku Muhammad.<sup>53</sup>

2. Al-Tabrani telah meriwayatkan satu hadith daripada Abū 'Umāmah maksudnya : " jika salah seorang di antara saudaramu meninggal dunia dan kamu telah ratakan kuburnya, maka hendaklah salah seorang dari kalangan kamu berdiri di sisi kepala kubur dan mengatakan "hai si anu anak si anu", maka mayat itu akan duduk lurus lalu hendaklah dipanggil lagi "hai si anu anak si anu", maka ia akan menjawab "ajarilah kami ini" tetapi kamu tidak mendengarnya. Maka hendaklah diajarkan "ingatlah apa yang kamu bawa sebagai bekal tatkala meninggalkan dunia ini, iaitu hendaklah kamu mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, bahawa Muhammad itu hamba dan utusanNya, dan bahawa engkau telah meredhai Allah sebagai Tuhan, Islam sebagai agama, Muhammad sebagai Nabi dan al-Quran sebagai Imam". Maka malaikat Munkar dan Nakir akan saling memegang tangan sahabatnya dan mengatakan "ayuhlah kita berangkat, apa perlunya kita menunggu orang yang telah diajar jawaban yang benar ini". Seorang lelaki bertanya, wahai Rasulallah, bagaimana kalau ibunya tidak dikenali ?, jawab baginda, hubungkan saja dengan neneknya Hawa dan katakan "hai si anu anak Hawa"<sup>54</sup>.

Walaupun dalam *sanad* hadith ini terdapat Āsim b. Abd Allah iaitu periwatan yang *dhaif*, tetapi Hāfiẓ di dalam kitab *al-Tadhkiyyah* ada menyebut, sebenarnya *sanad* hadith ini baik dan pendapat ini dikuatkan oleh Ḏiyā' di dalam kitabnya *Aḥkām*<sup>55</sup>.

3. Seperti yang telah dinyatakan bahawa kebanyakan hadith-hadith yang dijadikan sandaran dalam membenarkan amalan bacaan talqin ini bertaraf *dhaif*, tetapi sebenarnya ada juga sandaran lain yang boleh diambil yang terdiri dari hadith-hadith sahih. Walaupun tidak dinyatakan secara *sarih* dan jelas, tetapi ulama al-Syāfi'iyyah telah menerima hadith tersebut sebagai dalil disunatkan membaca talqin. Ini ditambah dengan pendapat yang menyatakan bahawa amalan ini telah dan masih dilakukan oleh penduduk negeri Syam (Syria) dan Palestin tanpa sebarang tegahan<sup>56</sup>.

Di antara hadith sahih yang menjadi pegangan ialah :

استغفرو لا حيكم واسألوه التثبيت فانه الآن يسأل رواه أبو داود

maksudnya : *pohonlah keampunan buat saudaramu dan pohonlah ketetapan baginya kerana sekarang dia disoal* (riwayat Abū Dāūd)<sup>57</sup>

Allah telah berfirman di dalam al-Quran surah al-Dhāriyāt ayat 55 :

وَذَكْرٌ فِيَانِ الْذِكْرِيَّ تَنَعُّمُ الْمُؤْمِنِينَ

maksudnya : *dan berilah peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang-orang mukmin*

Terjemahan Surah al-Dhāriyāt (51): 55 .

Ayat ini dipetik oleh ulama sebagai salah satu dalil membenarkan amalan bacaan talqin kerana sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat samada kepada mereka yang telah meninggal dunia atau pun yang masih hidup<sup>58</sup>.

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat tersebut jugalah, pada 30 Sya'aban 1405 H bersamaan 20 Mei 1985, *Jawatankuasa Syariah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan* telah mengeluarkan fatwa bahawa amalan mengadakan bacaan talqin selepas pengkebumian jenazah adalah sunat dan dibolehkan berdasarkan kepada petikan ayat-ayat al-Quran, hadith, *āthār* para sahabat dan pendapat ulama-ulama mazhab<sup>59</sup>.

Secara kesimpulannya dapatlah dirangkumkan bahawa memang ada *nas* yang menjadi sandaran dalam membolehkan pengamalan bacaan talqin di atas kubur selepas pengkebumian mayat. Maka apabila diyakini bahawa orang-orang mati itu hidup di dalam kuburnya, adanya soalan ke atas mereka selepas pengkebumian, berharapnya mereka kepada doa orang yang masih hidup bagi memudahkan soalan dan ujian di alam kubur, terdapatnya dalil menyatakan bahawa si mati mampu mendengar kata-kata orang hidup dan mendengar bunyi tapak kaki orang yang meninggalkan tanah perkuburan, ditambah dengan pendapat yang kuat membolehkan amalan talqin, maka jelaslah bahawa syariat membenarkannya berdasarkan *nas-nas* samada yang secara langsung atau tidak langsung<sup>60</sup>.

Majlis tahlil yang mahsyur di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan secara khusus dan masyarakat seluruhnya telah lama mendasari kehidupan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Dikatakan bahawa amalan ini telah dibawa oleh ulama-ulama dahulu di kawasan Nusantara ini dan ianya diwarisi secara turun temurun sehingga ke hari ini<sup>61</sup>.

Amalan ini biasanya diadakan sempena kematian seseorang samada sejurus selepas kematian atau pada bila-bila masa sahaja. Ia dilakukan bertujuan memohon kesejahteraan kepada Allah agar melindungi ruh si mati daripada kesukaran hidup di alam barzakh. Atas tujuan dan objektif tersebut, bacaan Surah Yāsin dan tahlil yang berupa bacaan ayat-ayat al-Quran, zikir-zikir dan doa dilakukan bagi dihadiahkan pahala bacaan tersebut kepada si mati dengan harapan sampainya pahala bacaan tersebut yang akhirnya akan menghasilkan natijah kelapangan hidup si mati di alam kubur. Manakala kenduri arwah mengikut apa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu ialah makanan dan jamuan yang disediakan buat sekalian yang hadir di dalam majlis tahlil atau majlis memperingati kematian.

Bacaan yang sama turut dihadiahkan pahalanya kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat, ahli keluarga baginda, para tabiin dan seluruh umat Islam<sup>62</sup>.

Jika dirujuk kepada kitab-kitab *fiqh* kalangan ulama silam, memang tidak terdapat fatwa yang menentukan hukum mengadakan majlis tahlil sebagaimana amalan di Malaysia kerana ia tidak pernah dilakukan di zaman Rasulullah, para sahabat maupun tabi'in. Namun berdasarkan dalil yang akan dibentangkan selepas ini, bolehlah disimpulkan bahawa amalan tersebut bukanlah perkara wajib yang mesti dilakukan tetapi adalah harus dan tidaklah menjadi satu kesalahan kalau dilaksanakan.

Berdasarkan temuramah penulis dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan di pejabatnya, bacaan dalam majlis tahlil di seluruh Negeri Sembilan telah diselaraskan dan pemantauan telah dilakukan bagi memastikan tiada amalan atau bacaan lain yang boleh dianggap menyeleweng dari pengamalan masyarakat umum. Penulis juga telah menemuramah Pegawai Agama Daerah Kuala Pilah, Jempol, Seremban untuk mendapat laporan tentang amalan tahlil dan mereka menyatakan bahawa setakat ini tiada amalan yang bertentangan dengan syarak semasa upacara tahlil diadakan<sup>63</sup>. Menurut Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, kaifiat bacaan dan doa majlis tahlil telah diselaraskan mulai tahun 1985 melalui buku yang disusun oleh Haji Nawawi bin Hasan.<sup>64</sup> (Lihat lampiran C).

Satu perkara yang harus diambil perhatian dalam mempertahankan amalan bacaan tahlil yang menjadi tradisi masyarakat Melayu Negeri Sembilan selepas kematian ialah konsep menghidupkan majlis zikir. Ini adalah kerana tujuan orang ramai berkumpul di majlis tahlil adalah untuk berzikir, memuja, memuji dan membesarakan Allah S.W.T. Ini

juga adalah di antara beberapa kaedah yang amat digalakkan di dalam usaha seseorang hamba untuk mendekatkan dirinya kepada Allah<sup>65</sup>.

Berikut ini dinyatakan beberapa alasan berserta hujah dan dalil majlis zikir itu satu amalan mulia.

1. Rasulallah s.a.w. bersabda dalam satu hadith riwayat Abū Sa'īd al-Khudrī dan Abū Hurayrah :

لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا خَفَتَهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَغَشِيَّتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَنَزَلتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكْرُهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عَنْهُ رَوَاهُ مُسْلِمٌ

السكينة وذكرهم الله فيمن عنده رواه مسلم

maksudnya : *tidaklah duduk satu-satu kaum yang mengingati Allah Azza Wa Jalla melainkan malaikat akan mengelilingi mereka, rahmat meliputi mereka, ketenangan akan diturunkan ke atas mereka dan Allah akan menyebut keadaan mereka kepada siapa yang berada di sisiNya* (Riwayat Muslim)<sup>66</sup>.

Allah S.W.T. sendiri menyebut dalam surah al-Baqarah ayat 152 bahawa Dia akan sentiasa mengingati hamba-hambaNya yang mengingati atau selalu berzikir kepadaNya :

فَإِذْ كُرُونِيْ أَذْكُرْكُمْ

maksudnya : *berzikirlah kamu kepadaKu, maka nescaya aku akan mengingatimu.*

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 152

Di dalam satu hadith Qudsi seperti yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan Muslim, Allah S.W.T. berfirman :

انما عند ظن عبدي وانا معه حين يذكوري فان ذكرني في نفسه ذكرته في نفسي و ان

ذكري في ملأ ذكرته في ملأ خير منه و ان اقرب الى شيرا تقربه اليه ذراعا و ان اقرب

الى ذراعا اقربت اليه باعا و ان اتاني بمشي اتيته هرولة رواه مسلم و ابو داود

maksudnya : *aku ini adalah menurut dugaan hamba Ku<sup>67</sup>, dan Aku akan sentiasa bersamanya di saat dia mengingati Ku, maka jika dia mengingati Ku di dalam hatinya, Aku juga akan mengingatinya di dalam hati Ku dan jika dia mengingati Ku di hadapan khalayak umum, maka Aku juga akan mengingatinya di hadapan khalayak yang lebih baik, dan seandainya dia mendekatkan dirinya kepada Ku sejengkal, Aku akan mendekatkan diri Ku kepadanya sehasta, dan jika dia mendekati Ku sehasta, Aku akan dekatkan diri Ku kepadanya sedepa, dan jika dia datang kepada Ku dengan berjalan kaki, maka Aku akan datang kepadanya dengan berlari* (Riwayat Muslim dan Abū Dāud).<sup>68</sup>

2. Ahli zikir adalah golongan manusia yang istimewa dan terkemuka. Pengiktirafan ini dianugerahkan sendiri oleh Allah melalui lisan Nabi Muhammad s.a.w.:

سبق المفردون قالوا و ما المفردون يا رسول الله قال الذين ذكروني الله كثيرا و الذين لا يذكرون

رواه مسلم

maksudnya : *telah majulah orang-orang yang istimewa, para Sahabat bertanya, siapakah mereka yang istimewa itu wahai Rasulullah, jawab baginda, iaitulah mereka yang banyak mengingati Allah samada lelaki maupun wanita* (Riwayat Muslim)<sup>69</sup>.

3. Selalu mengingati Allah adalah salah satu jalan untuk mendapat pengampunanNya. Firman Allāh S.W.T. :

وَالذَّاكِرُونَ اللَّهَ كَثِيرًا وَالذَّاكِرَاتِ أَعْدَ اللَّهَ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَخْرَى عَظِيمًا

maksudnya : *dan orang-orang yang selalu berzikir kepada Allah mahupun lelaki atau wanita, Allah akan menyediakan keampunan dan pahala yang besar kepada mereka.*

Terjemahan Surah al-Ahzāb (33): 35.

3. Mengingati Allah akan memberi ketenangan hati dan jiwa. FirmanNya di dalam *al-Quran* :

أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ

maksudnya : *ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang.*

Terjemahan Surah al-Ra'd (13): 28

5. Majlis zikir turut dikenali sebagai salah satu daripada taman-taman syurga. Nabi s.a.w. telah bersabda dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibn. 'Umar :

إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوا قَالُوا وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ حَلْقُ الذِّكْرِ

فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى سِيَارَاتٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ يَطْلَبُونَ حَلْقَ الذِّكْرِ فَإِذَا أَتَوْا عَلَيْهِمْ حَفْوَاهُمْ

maksudnya : *apabila kamu melalui taman-taman syurga hendaklah kamu ambil perhatian, para sahabat bertanya, apakah dia taman-taman syurga itu wahai Rasulullah, jawab baginda, iaitulah halaqah atau majlis zikir. Bahawa sesungguhnya bagi Allah ada rombongan-roombongan dari kalangan malaikat yang sentiasa mencari-cari majlis zikir dan apabila mereka bertemu dengannya, maka para malaikat itu akan mengelilinginya<sup>70</sup>.*

6. Ahli majlis zikir dibanggakan oleh Allah di hadapan para malaikat. Satu hadith sahih riwayat Muslim, daripada Mu'awiyah r.a., Nabi s.a.w. telah keluar dan pergi ke satu majlis himpunan (*halaqah*) daripada para sahabat, Nabi telah bertanya kepada mereka :

ما أجلسكم قالوا جلسنا نذكر الله تعالى ونحمده على ما هدانا للإسلام و من به علينا

قال الله ما أجلسكم الا ذاك قالوا والله ما أجلسنا الا ذاك أما اي لم استخلفكم

نسمة لكم و لكنه اتاني جريل فاخبرني ان الله عزوجل يباهاي لكم الملائكة رواه مسلم

maksudnya : *kenapa kamu duduk berkumpul di sini? mereka berkata, kami duduk di sini adalah untuk berzikir mengingati Allah dan memuji atas petunjuk dan kurniaNya kepada kami dengan menganut agama Islam. Sabda Nabi s.a.w. ; demi Allah tidak lain tidak bukan bahawa kamu berkumpul ini hanyalah kerana tujuan itu ? Demi Allah, tidaklah kami duduk di sini hanya kerana tujuan itu, dan saya tidaklah meminta kamu semua bersumpah kerana mencurigai kamu, tetapi bahawa sesungguhnya Jibril telah datang kepada ku dan menyampaikan bahawa Allah telah membangga dan memuji kamu sekalian di hadapan para Malaikat* (Riwayat Muslim).<sup>71</sup>

Sebagai kesimpulan, dengan kehadiran anggota masyarakat di dalam majlis zikir, maka akan bercahayalah isi rumah tersebut dengan kalam memuji Allah dan semoga rahmat Allah akan melimpah ruah memayungi diri setiap jiwa yang dengan ikhlas hati berzikir mengagungkan Allah. Di samping mengharapkan sampainya pahala zikir tersebut kepada ruh si mati, semoga akan bersinar jugalah hati orang-orang yang sentiasa mengingati Allah S.W.T.

Majlis tahlil arwah akan diakhiri dengan sedikit jamuan makanan yang telah disediakan bergantung kepada kemampuan waris si mati. Dalam masyarakat Melayu

Negeri Sembilan terdapat beberapa jenis kenduri arwah yang dijalankan di antaranya ialah diadakan tiga hari berturut-turut selepas berlakunya satu-satu kematian dan ia diadakan juga di masa-masa yang lain bergantung kepada hajat dan keperluan si waris.

Seperti yang berlaku di kampung-kampung sekitar Negeri Sembilan, ada kumpulan yang dinamakan sebagai kumpulan tahlil arwah yang dianggotai oleh beberapa orang penduduk kampung mewakili rumah-rumah mereka. Contohnya ialah sepertimana yang dilakukan oleh penduduk Kampung Masjid Lonek dan Kampung Sungai Taling di Daerah Kuala Pilah, Kampung Kuala Jempol di Daerah Jempol. Giliran mengadakan kenduri arwah akan dibuat secara bergilir-gilir samada setiap minggu ataupun setiap dua minggu sekali. Apabila tiba gilirannya, maka orang ramai akan datang ke rumah mereka untuk membaca tahlil dan kemudian menikmati jamuan yang disediakan oleh tuan rumah.

Jika berlaku sesuatu kematian, ahli kumpulan tahlil inilah yang banyak mengerakkan pengendalian jamuan dalam kenduri arwah di rumah keluarga si mati. Perbelanjaan kenduri arwah ditanggung oleh keluarga si mati.

Mengikut sunnah amalan Nabi dan para sahabat, penyediaan makanan sepatutnya dibuat oleh orang lain seperti jiran tetangga dan anggota masyarakat, bukannya disediakan oleh keluarga si mati. Ini berdasarkan kepada hadith Rasulallah s.a.w :

اصنعوا لال حضر طعاما فانه قد اناهم امر يشغلهم رواه ابو داود و ابن ماجه و

الترمذی و قال حسن صحيح

maksudnya : buatkanlah makanan untuk ahli keluarga Ja'far kerana telah datang kepada mereka perkara-perkara yang menyulitkan dan menyukarkan (akibat kematian) (Riwayat Abū Dāūd, Ibn. Mājah dan al-Tirmidhi dengan katanya itu hadith hasan sahih).<sup>72</sup>

Perbuatan menyediakan makanan untuk keluarga si mati adalah amat digalakkan kerana ia adalah merupakan suatu kebajikan kepada keluarga si mati dan jiran-jiran yang berhampiran. Sayyid Sābiq menukilkan pendapat Imam al-Syāfi'i berkata bahawa kaum kerabat dan jiran-jiran digalakkan menyediakan makanan yang mengenyangkan bagi tempoh sehari semalam.<sup>73</sup>

Berhubung dengan permasalahan keluarga si mati yang menyediakan makanan kepada tetamu yang hadir, kebanyakan ulama menganggapnya satu perbuatan makruh bahkan ada yang mengharamkannya kerana dianggap sebagai satu perbuatan meratap. Ini berdasarkan kepada hadith riwayat Jarir :

كنا نعد الاجتماع الى اهل البيت و صناعة الطعام بعده دفنه من النجاحية

maksudnya : berkumpul pada keluarga si mati dan menyediakan makanan setelah pengubumiannya adalah satu perbuatan meratap.<sup>74</sup>

Malah terdapat hujah-hujah lain yang dinyatakan oleh ramai ulama mazhab tentang larangan penyediaan makanan oleh keluarga si mati, malah jika dirujuk kepada kitab-kitab hadith, tidak terdapat kenyataan Rasulullah s.a.w. membenarkan atau menggalakkan keluarga si mati menyediakan makanan. Atas lantaran itulah lahirnya hukum yang menyatakan perbuatan menyediakan kenduri arwah itu adalah bid'ah.<sup>75</sup>

Namun begitu, Ibn Qudāmah dalam kitab *al-Mughnī*<sup>76</sup> memberi sedikit kelonggaran bahawa harus ahli keluarga si mati menyediakan makanan kepada orang yang datang seperti mereka yang datang dari kampung dan tempat yang jauh dan mereka bermalam di rumah keluarga si mati, maka tidak dapat tidak menjadi tanggungjawab keluarga si mati meraikan tetamu yang datang.<sup>76</sup>

Berdasarkan kepada hujah yang telah dibentangkan boleh dibuat kesimpulan bahawa hukum mengadakan majlis tahlil adalah harus. Manakala hukum mengadakan jamuan kenduri arwah adalah harus dengan syarat ia tidak menggunakan harta peninggalan si mati dan tidak memberatkan keluarga si mati. Jamuan tersebut lebih elok disediakan oleh orang ramai atau penduduk kampung dan bukannya ahli keluarga si mati. Hukumnya adalah *bid'ah qabīlah* jika jamuan kenduri arwah dipertanggungjawabkan ke atas keluarga si mati. Haram hukumnya jika kenduri itu dibuat diluar kemampuan keluarga si mati atau menggunakan wang peninggalan si mati. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan<sup>77</sup>.

### **3.3.10        Bacaan Surah Yāsīn Beramai-ramai.**

Semasa majlis tahlil diadakan, surah Yāsīn juga dibacakan untuk disedakahkan pahalanya kepada si mati. Ia juga dibaca secara beramai-ramai setiap malam Jumaat di kebanyakan masjid di sekitar Negeri Sembilan seperti yang dilakukan di Kampung Kuala Jempol, Kampung Terusan Kuala Pilah, Masjid Negeri di Seremban dan Masjid Pekan

Tampin. Antara tujuan bacaannya adalah untuk arwah si mati samada yang baru atau pun telah lama meninggal dunia. Surah Yāsīn juga dibaca samada semasa si mati dalam keadaan nazak ataupun selepas meninggal dunia sebelum ia dikebumikan.

Sandaran kepada penerimaan amalan membaca surah Yāsīn kepada si mati adalah berdasarkan kepada beberapa hadith diantaranya ialah :

- i. Hadith riwayat Ma'qil b. Yasār bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. telah bersabda :

إِقْرُؤُوا يَسٌ عَلَى مُوتَاكِمٍ رَوَاهُ أَبُو دَاوُدُ وَصَحَّحَهُ إِنْ جَانٌ

maksudnya : *bacalah surah Yāsīn ke atas orang-orang mati dari kalangan kamu* ( Riwayat Abū Dāūd, dan dianggap sahih oleh Ibn. Hibbān)<sup>78</sup>

Al-Imām al-Qurtubī ada menyatakan bahawa lafaz على موتاكم itu boleh membawa kepada dua tafsiran iaitu membacanya di sisi mayat selepas kematianya dan membacanya di tanah perkuburan<sup>79</sup>.

Berkaitan dengan saranan Rasulullah s.a.w. agar surah Yāsīn dibacakan berhampiran dengan orang-orang yang hampir mati ialah supaya rohnya mudah keluar. Diharapkan juga dengan berbuat demikian, orang berkenaan akan menemui Tuhan mereka dalam keadaan beriman<sup>80</sup>.

- ii. Dalam satu hadith lain, Nabi s.a.w. telah bersabda :

يس قلب القرآن لا يقرأها رجل يريد الله تبارك و تعالى و الدار الآخرة الا غفر له  
و اقرؤوها على موتاكم

maksudnya : *Surah Yāsīn itu ialah hati al-Quran, sesiapa yang membacanya dengan mengharap keredhaan Allah dan kebahagiaan hidup di hari akhirat akan diampunkan dosanya, dan bacalah surah Yāsīn ke atas orang-orang mati dari kalangan kamu*<sup>81</sup>.

Terdapat banyak hadith yang menerangkan kelebihan membaca surah Yāsīn di samping surah-surah yang lain di antaranya ialah :

i. Sabda Rasulallah s.a.w. :

من قرأ يس ابتغاء وجه الله غفر له ما تقدم من ذنبه فاقرئوها عند موتاكم رواه

الترمذى

maksudnya : *barangsiapa membaca Yāsīn pada malam hari kerana menuntut keredhaan Allah, nescaya akan dihapuskan oleh Allāh dosa-dosanya, bacalah ia di hadapan orang-orang yang mati dari kalangan kamu* (riwayat al-Tirmidhi)<sup>82</sup>

ii. Daripada Anas r.a. katanya, sabda Rasulullah s.a.w. :

ان لكل شيء قلباً و قلب القرآن يس و من قرأ يس كتب الله بما قرأه القرآن عشر مرات

رواہ الترمذی

maksudnya : *bahawa bagi tiap-tiap sesuatu itu ada hati, dan hati al-Quran ialah Yāsīn, maka barangsiapa membaca Yāsīn, maka Allah akan mencatat seperti bacaan al-Quran sepuluh kali (riwayat at-Tirmidhi)*<sup>83</sup>

Membaca surah Yāsīn beramai-ramai dianggap sebagai majlis tadarus untuk melancarkan pembacaan disamping berdoa dengan harapan dimurahkan rezki, dipanjangkan umur dan dimatikan di dalam *ḥusn al-khātimah*. Itulah harapan setiap pembaca mudah-mudahan dimakbulkan oleh Allah.

Berdasarkan kepada hadith-hadith dan pendapat para ulama, membaca al-Quran dan surah Yāsīn amat digalakkan, bahkan patut diamalkan khususnya secara beramai-ramai sebagai majlis tadarus untuk melancarkan pembacaan yang dibuat secara berkumpulan samada di masjid-masjid, surau-surau atau di tempat-tempat berkumpulan umat Islam untuk melahirkan perpaduan umat Islam dan dapat beramah mesra di antara satu sama lain. Majlis ini dapat memberi banyak manfaat khususnya didalam peningkatan pembacaan kepada mereka yang kurang berkesempatan belajar secara formal.

Membaca secara berkumpulan beramai-ramai amat digalakkan berdasarkan kepada sebuah hadith :

ما اجتمع قوم في بيت من بيوت الله يتلون كتاب الله و يتدارسونه الا نزلت عليهم السكينة و غشيتهم الرحمة و خفتهم الملائكة و ذكرهم الله فيمن عنده رواه مسلم

maksudnya : *tiada berhimpun satu kaum di mana-mana masjid Allah dengan membaca kitab Allah (al-Quran) dan bertadarus sesama mereka (membaca beramai-ramai) melainkan diturunkan ke atas mereka rahmat dan diliputi (dilingkungi) akan mereka malaikat dan Allah menyebut nyebut perihal mereka itu kepada para malaikat* (riwayat Muslim)<sup>84</sup>.

Di dalam hadith lain daripada Anas r.a., sabda Rasulullah s.a.w. :

لَا يَقْعُدُونَ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا خَفَتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَغَشِّيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَنَزَّلْتُ  
عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرُهُمُ اللَّهُ فِيمَا عَنْهُ رَوَاهُ مُسْلِمٌ

maksudnya : *tiadalah duduk satu kaum yang berzikir kepada Allah Azza Wa Jalla melainkan malaikat akan melingkungi mereka, diturunkan kepada mereka ketenangan dan Allah menyebut-nyebut perihal mereka kepada sesiapa yang berada di sisiNya* (riwayat Muslim)

### 3.3.11 Ziarah Kubur

Islam membenarkan penganutnya menziarahi kubur samada kepada kaum lelaki mahupun perempuan. Ini berdasarkan kepada umum hadith daripada Buraidah :

كُنْتُ نَهِيَّكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُورِ فَزَوَّرُوهَا رَوَاهُ مُسْلِمٌ زَادَ التَّرْمِذِيُّ فَأَنَّهَا تَذَكِّرُ الْآخِرَةَ

maksudnya : *aku pernah melarang kamu menziarahi kubur, maka kini ziarahilah ia* (Riwayat Muslim, Imam al-Tirmidhi menambah : kerana ziarah kubur itu mengingatkan kepada hari akhirat)<sup>85</sup>

Melihat kepada *matan* atau teks hadith tersebut ada menunjukkan larangan Nabi s.a.w. menziarahi kubur. Sebenarnya larangan dan tegahan itu adalah merujuk kepada masa tersebut iaitu zaman permulaan Islam. Generasi ketika itu baru sahaja meninggalkan zaman jahiliah dan situasi mereka ketika itu masih belum dapat menjauhi ucapan-ucapan kotor dan keji seperti meratap, meraung dan menjerit-jerit terutama ketika berlaku sesuatu kematian. Kedatangan Islam telah menghapuskan amalan jahiliah ini dan pelbagai perbuatan lain yang menyalahi prinsip dan hukum hakam syariah.

Kehidupan mereka kemudiannya semakin tenteram dan Islam sendiri telah menetapkan beberapa peraturan kepada masyarakat beberapa amalan berhubung dengan jenazah dan kematian. Apabila keadaan umat Islam semakin kuat keimanan dan tahap ketakwaannya maka Allah S.W.T melalui lisan nabiNya mengizinkan amalan menziarahi kubur dengan panduan-panduan yang telah digariskan syarak<sup>86</sup>.

Dalam satu hadith lain daripada Abū Hurayrah r.a :

زار النبي صلى الله عليه وسلم قبر أمه فيكى وأبكي من حوله فقال النبي صلى الله عليه

وسلم استأذنت ربي ان استغفر لها فلم يؤذن لي واستأذنته أن أزور قبرها فأذن لي

فزوروها فانها تذكر الموت رواه أحمد ومسلم وأهل السنن الا الترمذى

maksudnya : bahwa Nabi s.a.w. pergi menziarahi makam ibunya, baginda menangis dan orang-orang di sekelilingnya turut menangis. Nabi s.a.w. telah bersabda : saya telah memohon keizinan kepada Tuhan untuk memohon ampun bagi ibuku tetapi Dia tidak mengizinkannya. Oleh sebab itu saya meminta izin menziarahi makamnya, maka diizinkannya, maka ziarahilah kubur kerana ia akan mengingatkan kepada kematian (Riwayat Imam Ahmad dan Muslim serta Aṣḥab Sunan kecuali al-Tirmidhi).<sup>87</sup>

Berdasarkan kepada dua hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa objektif menziarahi kubur ialah untuk memberi keinsafan kepada penziarah kerana ia dapat mengingatkan kepada kematian dan hari akhirat. Maka tidak ada sebab untuk menghalang sesiapa sahaja dari menziarahi kubur.

Turut menjadi satu amalan biasa di Negeri Sembilan ialah tradisi kaum wanita melawat tanah perkuburan samada ketika menghantar jenazah ke kubur mahupun pada hari dan waktu lain seperti pada Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha. Berhubung permasalahan ziarah kubur bagi kaum wanita, ada pendapat yang menyatakan hukumnya adalah makruh, dan ia masih diperselisihkan samada “*karāḥah taḥrīm*” atau “*karāḥah tanzīḥ*”<sup>88</sup>.

Al-Imām al-Nawawī di dalam kitab *al-Majmū’* menganggapnya sebagai “*karāḥah tanzīḥ*” dan inilah yang dipegang oleh jumhur al-Syāfi’iyah<sup>89</sup>.

*Karāḥah taḥrīm* ialah perintah Allah yang meminta supaya meninggalkan sesuatu perbuatan dengan tuntutan secara pasti melalui dalil *zanni*. Manakala *karāḥah tanzīḥ* ialah perintah Allah yang meminta supaya meninggalkan sesuatu perbuatan dengan tuntutan yang tidak pasti<sup>90</sup>.

Berikut ini dinyatakan beberapa hadith dalam menyatakan keharusan bagi kaum wanita menziarahi kubur<sup>91</sup>:

- i. Hadith daripada ‘Āisyah, beliau telah bertanya kepada Nabi s.a.w., apakah yang harus diucapkan semasa menziarahi kubur, sabda Baginda :

قولي السلام عليكم على اهل الديار من المؤمنين وال المسلمين ويرحم الله المستقدمين منا

والمستأحررين وانا ان شاء الله بكم لاحقون رواه مسلم

maksudnya : *ucapkanlah : salam atasmu wahai penduduk kampung dari golongan mukminin dan muslimin dan semoga Allah melimpahkan rahmatNya kepada kita semua samada mereka yang telah terdahulu mahupun yang akan datang. Insyaallah kami akan menyusul kemudian* (Riwayat Muslim)<sup>92</sup>

Berdasarkan hadith ini, Rasulullah s.a.w. telah mengajar kepada ‘Āisyah tentang doa yang sepatutnya dibaca sewaktu menziarahi tanah perkuburan tanpa baginda menyatakan sebarang tegahan dan larangan. Ini menunjukkan bahawa tidaklah menjadi suatu larangan hukum ziarah kubur bagi kaum wanita.

ii. Riwayat daripada Ibn. Mulaikah bahawa pada suatu hari, Sayyidatuna ‘Āisyah kembali dari arah tanah perkuburan, Ibn. Mulaikah bertanya :

يَا أُمَّ الْمُؤْمِنِينَ مَنْ أَقْبَلَتْ قَالَتْ مِنْ قَبْرِ أَخِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ فَقَلَتْ لَهَا الْبَسْ كَانَ نَفِى رَسُولُ

الله صلی اللہ علیہ وسلم عن زیارة القبور قالت نعم کان نفی عن زیارة القبور ثم أمر

بزيارة رواه الحاکم والبیهقی وقال تفرد به بسطام بن مسلم البصري وقال الذھبی

صحیح

maksudnya : *wahai ummu al-mukminin, dari mana engkau datang? ‘Āisyah menjawab, dari menziarahi kubur saudaraku ‘Abd al-Rahmān. Aku bertanya lagi, bukankah Rasulullah s.a.w. melarang dari menziarahi kubur?, beliau menjawab, benar bahawa Rasulullah melarang dari menziarahinya tetapi kemudian baginda membenarkannya (Riwayat al-Hākim, juga oleh al-Baihāqī yang menyatakan pada sanadnya terdapat Busṭām b. Muslim al-Baṣrī yang meriwayatkan seorang diri, manakala menurut al-Dhahabī, hadith tersebut sahih )<sup>93</sup>.*

Kenyataan ‘Āisyah ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. membenarkan kaum wanita menziarahi kubur.

iii. Hadith Sahih al-Bukhārī dan Muslim yang diriwayatkan oleh Anas :

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَ بِإِمْرَأَةٍ عِنْدَ قَبْرٍ تَبَكَّى عَلَيْهِ صَبَّى لَهَا فَقَالَ لَهَا اتَّقِي

الله واصبري فقالت وما تبالي عصبيتي فلما ذهب قيل لها انه رسول الله صلی الله علیه

وسلم فأخذها مثل الموت فأدت بابه فلم تجد على بابه بوابين فقالت يا رسول الله لم

أعرفك فقال إنما الصبر عند الصمدة الأولى رواه البخاري ومسلم

maksudnya : *bahawa Rasulullah telah lalu di tanah perkuburan dan baginda terlihat seorang perempuan yang menangisi kematian anaknya. Rasulullah berkata, bertakwalah kamu kepada Allah dan bersabarlah. Perempuan itu menjawab : alangkah malangnya diriku ditimpa musibah ini. Apabila Rasulullah berlalu pergi, ada orang menyatakan kepada perempuan itu bahawa lelaki itu ialah Rasulullah, bagaikan dikejar maut, perempuan itu bergegas pergi ke pintu gerbang rumah Nabi dan tiada seorang pun penjaga pintu di situ, perempuan itu berkata, wahai Rasulullah, aku tidak mengenali bahawa engkau adalah Rasulullah, Nabi bersabda, bahawa sesungguhnya kesabaran itu adalah ketika mula-mula ditimpa musibah (Riwayat al-Bukhārī dan Muslim )<sup>94</sup>*

Di dalam hadith ini, Baginda s.a.w. telah melihat dan bertemu serta berbual-bual dengan perempuan tersebut tanpa larangan terhadap perbuatannya menziarahi kubur. Ini adalah bukti bahawa kaum perempuan tidaklah dihalang menziarahi kubur. Jika ianya suatu tegahan, sudah pasti Rasulullah akan menjelaskannya. Ini adalah kerana tujuan dibenarkan ziarah adalah untuk memperingatkan manusia kepada kematian dan hari akhirat.

Golongan yang menyatakan makruh bagi kaum wanita menziarahi kubur adalah berpandukan kepada sabda Nabi yang mengutuk wanita-wanita yang menziarahi kubur. Hujah mereka lagi ialah kaum wanita dikatakan kurang tabah dan lebih mudah terpengaruh.

Dalam menjawab dakwaan ini, al-Qurṭubī ada menyatakan yang dipetik oleh Sayyid Sābiq di dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah* “kutukan itu hanyalah kepada wanita-wanita yang selalu sangat menziarahi dalam erti kata صيحة مبالغة iaitu perempuan yang selalu sangat menziarahi kubur kerana mungkin kesan daripada ziarah itu akan mengakibatkan tersia-sia hak suami, memperagakan diri, kemungkinan menangis, meratap dan lain-lain”.

Kata al-Qurṭubī lagi, kalau semua itu dapat diatasi, maka tidak ada alasan untuk menghalang wanita menziarahi kubur supaya dapat mengingati maut dan memperingati kematian tidaklah dikhususkan kepada sesiapa baik lelaki maupun wanita.

Al-Sywakānī menambah atas keterangan al-Qurṭubi itu “pendapat inilah yang harus dipegang dalam menghimpunkan hadith-hadith yang pada zahirnya bertentangan”<sup>95</sup>.

Sesungguhnya Islam membenarkan menziarahi kubur kerana banyak hikmahnya, antaranya ialah :

i. jiwa akan sentiasa mengingati mati dan bersedia menghadapinya. Selain ia dapat menghidupkan sunnah, ia juga akan mengingatkan dan menginsafkan penziarah tentang asal-usulnya daripada tanah dan ke tanah juga seseorang itu akan kembali.

ii. Menziarahi kubur boleh mengingatkan kepada hari akhirat bertepatan dengan hadith :

فَإِنْ كُلَّا تَذَكَّرَ الْآخِرَةُ

iii. Ia juga akan melahirkan sifat zuhud dan tidak tamak dengan harta dunia serta menjadi satu pengikitan dalam menempuh kehidupan di dunia. Satu hadith daripada Ibn. Mas'ud :

فَإِنْ كُلَّا عِبْرَةٌ وَذَكْرُ الْآخِرَةِ وَاتْرَهَدَ فِي الدُّنْيَا

maksudnya : *ia menjadi pengajaran dan mengingatkan hari akhirat serta zuhud kepada kehidupan dunia<sup>96</sup>.*

Sebagai kesimpulan dapatlah dinyatakan di sini bahawa terdapat beberapa amalan yang dianggap tradisi oleh Masyarakat Melayu Negeri Sembilan mempunyai sandaran yang jelas dari sudut hukum syarak. Walaupun ada di antaranya adalah adat kebiasaan tetapi kaedah hukum menyatakan bahawa adat yang tidak bercanggah dengan syarak boleh diterima pakai selagi tidak bertentangan dan mendatangkan kemudharatan. Apa yang penting ialah setiap satu perbuatan itu mestilah mempunyai sumber hukum sebagai hujah bagi mengelakkan daripada kesamaran sewaktu beramal.

<sup>1</sup> A. Samad Idris (1990), *Payung Terkembang*, c. 1. Kuala Lumpur : Pustaka Budiman, h. 95

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Majalah Warisan Keluaran 20* (1997), Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Seremban : Percetakan World Machine Trading, h. 8

<sup>4</sup> Mohamed Roselan Abd. Malek (1998), *Kesan Sejarah dan Tempat-Tempat Menarik Negeri Sembilan Darul Khusus*, c. 1. Petaling Jaya : Oscar Book International, h. 5-6

<sup>5</sup> A. Samad Idris (1990), *op.cit.*, h. 95

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 96

<sup>7</sup> Mohamed Roselan Abd. Malek (1998), *op.cit.*, h. 5

<sup>8</sup> Tan Sri A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Hj. Muhammad Tainu, Dharmala N.S (1994), *Adat Merentas Zaman*, terbitan Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, c. 1. Shah Alam : Malindo Printers, h. 3-5

<sup>9</sup> *Majalah Warisan Keluaran 5* (1978), Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Seremban : Percetakan World Machine Trading, h. 4

<sup>10</sup> *Majalah Warisan Keluaran 6* (1979), Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Seremban : Percetakan World Machine Trading , h. 6

<sup>11</sup> Othman Hj. Ishak (1981), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti, h. 49

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Abdul Rahman al-Ahmadi (1981), *Sejarah Kedatangan Islam ke Asia Tenggara*, Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, h. 57.

<sup>14</sup> Abdul Samad Idris (1970), artikel bulan September majalah Dewan Masyarakat "Gabungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan" h. 37

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, <http://www.statistics.gov.my>, 22 March 2002.

<sup>17</sup> Temuramah dengan Pegawai Agama Daerah Jempol, Ustaz Mat Jusoh bin Sudin dan Pegawai Pentadbiran Masjid Daerah Jempol, Ustaz Hussien bin Jalani diadakan pada 16 Oktober 2001 di Pejabat Agama Daerah Jempol, Bandar Baru Serting, Bahau, Negeri Sembilan.

Temuramah dengan Pegawai Agama Daerah Kuala Pilah, Ustaz Mohd. Fadhil Haji Abu Kassim diadakan di Pejabat Agama Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 24 Oktober 2001.

Temuramah dengan Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Ustaz Mohd. Zaidi bin Ramli diadakan di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada 11 Februari 2002.

<sup>18</sup> Lihat *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1469

<sup>19</sup> Temuramah diadakan di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada 11 Februari 2002 dan 3 Februari 2004

<sup>20</sup> Wahbah al-Zuhayli (Dr.) (1989), *al-Fiqh al-Islami' Wa Adillatuhu*, j. 2. c. 3. Beirut : Dār al-Fikr, h. 454.

<sup>21</sup> Temuramah dengan Dato' Mufti, op.cit.

<sup>22</sup> Abī al-Tayyib Muhammād Syams al-Haq al-'Azīz Abādī (1990), *'Aun al-Mabūd Syarḥ Sunan Abī Dādū*, j. 5. c. 1. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 270, hadith no : 3119.

Lihat juga 'Alā' al-Dīn 'Alī b. Balbān al-Fārisī (1987), *Saḥīḥ Ibn Hībbān*, j. 5. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, m.s. 3, hadith no : 2991.<sup>23</sup>

<sup>23</sup> Abī Zakariyyā Yahyā ibn Syarīf al-Nawāwī (1992), *Rawḍah al-Tālibīn*, j. 1. c. 1. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 611

Al-Syarbīnī al-Khatīb (1995), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 1. c. ulangan, Beirut : Dār al-Fikr, h. 451, al-Zuhayli (1989), op.cit., h. 454

Sayyid Sābiq (1998), *Fiqh al-Sunnah*, j. 1, Kaherah : Dār al-Fatḥ Li al-I'lām al-'Arabī, m.s. 256 Muhammād bin Ismā'il Dādūl al-Fatānī (t.t), *Maṭla' al-Badrain Wa Majma' al-Badrain*, Kaherah : Maktabah al-Imām Li al-Tabā'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzī', h. 51.

<sup>24</sup> Abādī (1990), op.cit., j. 8., h. 63, hadith no. 2878.

<sup>25</sup> Abī Zakaria Yahyā b. Syarīf al-Nawawī (t.t), *Saḥīḥ Muslim*, j. 16. Kaherah : al-Maktabah al-Taufiqiyah, h. 87, hadith no. 2548

<sup>26</sup> Muhammād b. 'Alī b. Muhammād al-Sywakānī (1992), *Nail al-Aufār*, j. 6. c.2. Beirut : Dār al-Ma'rifah, h. 15.

<sup>27</sup> Dr. Rushdi Ramli dan Luqman Hj. Abdullah, *Pemberian dan Penerimaan Wang Saguhati / Upah Dalam Perlaksanaan Ibadah di Kalangan Masyarakat Melayu : Satu Penilitian*, Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000, Jabatan Fiqh dan Usul APIUM pada 7-8 November 2000, h. 14 -15.

<sup>28</sup> Sayyid Sābiq (1998), *Fiqh al-Sunnah*, j. 1. Kaherah : Dār al-Fatḥ Li al-I'lām al-'Arabī, h. 292.

<sup>29</sup> Al-Sywakānī (1992), op.cit., h. 103, hadith no. 1472

<sup>30</sup> Abādī (1990), op.cit., j. 9. h. 17, hadith no. 3204.

<sup>31</sup> Temuramah dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, op.cit.

<sup>32</sup> Abī al-'Ulā Muhammād Abd. al-Rahmān b. Abd. al-Rahīm al-Mubārakafūrī (1995), *Tuhfah al-Āhwāzī*, j. 4. c. ulangan, Beirut : Dār al-Fikr, h. 107, hadith no. 1052

<sup>33</sup> Muhammād Idrīs Abd. Al-Rauf al-Marbāwī (t.t), *Baḥr al-Mādha'*, j. 4. Beirut : Dār al-Fikr, h. 203-204, hadith no. 107.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Sayyid Sābiq (1998), op.cit., h. 297-298

<sup>36</sup> Al-Zuhayli (1989), op.cit., h. 524.

<sup>37</sup> Al-Khatīb al-Syarbīnī (1995), op.cit., h. 493.

Lihat juga Taqī al-Dīn Abī Bakr b. Muhammād al-Husainī (1995), *Kifāyah al-Akhya'r Fī Hallī Ghāyah al-Ikhtisār*, c. 2. Beirut : Dār al-Khayr, h. 164.

<sup>38</sup> Al-Syarbini (1995), *op.cit.*, h. 494.

Lihat juga al-Nawawi (1992), *Rawdah al-Tâlibîn*, *op.cit.*, h. 653

Syams al-din Muhammad bin Ahmad Al-Syarbini al-Khaṭîb (1996), *al-Iqnâ' fi Halli Alfi' Abi Syûjâ'*, j. 1. c. 1. Kaherah : Dâr al-Salâm, h. 296.

Lihat juga al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, h. 530

<sup>39</sup> Al-Syarbini al-Khaṭîb (1996), *al-Iqnâ'*, *op.cit.*, m.s. 295-296

<sup>40</sup> Al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, m.s. 530

<sup>41</sup> Al-'Asqalânî, Ahmad b. 'Ali b. Hâjr (1993), *Fath al-Bârî Syarh Sahîh al-Bukhârî*, j. 3. c.1. Beirut : Dâr al-Fikr, h. 612, hadith no 1378

Lihat juga Sayyid Sâbiq (1995), *op.cit.*, h. 299

<sup>42</sup> Temuramah kali kedua diadakan pada 3 Februari 2004 di pejabat beliau.

<sup>43</sup> Muhammad Ibn. Abî Bakr al-Râzî (1967), *Mukhtâr al-Sâhâbâ*, Beirut : Dâr al-Kitâb al-'Arabi, h. 203

<sup>44</sup> Haji Sirajuddin Abbas (1982), *40 Masalah Agama Siri 4*, c. 4. Kota Bharu : Pustaka Aman Press, h. 67.

<sup>45</sup> *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1996), *op.cit.*, h. 1354.

<sup>46</sup> 'Abbâs al-Mâlikî dan Hasan Sulaymân al-Nûrî (1994), *Ibânah al-Ajkâm Syarh Bulûgh al-Marâm (Penjelasan Hukum-hukum Syariat Islam)*, Bahrun Abu Bakar (terj.), Bandung : Penerbit Sinar Baru Algesindo, h. 864 – 865.

<sup>47</sup> Al-Nawawi (1985), *Rawdah*, j. 2. c. 2. Beirut : Maktabah al-Islâmi, h.138

Rujuk juga al-Nawawi (t.t), *al-Adhkâr*, Kaherah : Dâr al-Hadîth, h. 164 – 168

Rujuk juga Ibn. 'Umar al-Syaibâni (1983), *Nayl al-Mâ'rib Bi Syarh Dalîl al-Tâlib*, j. 1. Kuwait : Maktabah al-Falâh, h. 231.

Rujuk juga Abî Bakr al-Bakri (t.t), *Iânah al-Tâlibîn*, j. 2. Beirut : Dâr Ihyâ' al-Turâth al-'Arabi, h. 139 – 141.

<sup>48</sup> Ustaz Ishak Din , Prof. Dato' Dr. Haron Din, Dato' Abu Hassan Din al-Hafiz (1992), *Soal Jawab Fiqh Harian*, Shah Alam : Hizbi Sdn. Bhd, h. 166.

<sup>49</sup> Al-Hâfiẓ Jalâl al-Dîn al-Suyûti (1994), *Sunan al-Nâsâ'i*, j. 4. c. 4. Beirut : Dâr al-Basyâ'ir al-Islâmiyyah, h. 110, hadith no. 2976

<sup>50</sup> Dr. Abd Allâh b. Abd. al-Muhsîn al-Turki (1996), *Musnad al-Imâm Abîmad b. Hanbal*, j. 8. c. 1. Beirut : Muassasah al-Risâlah, h. 469.

<sup>51</sup> Abâdi (1990), *op.cit.*, h. 37, hadith no. 3229.

<sup>52</sup> Al-Nawawi (1985), *Rawdah*, *op.cit.*, h. 138.

Lihat juga Syams al-Din Abi Abd Allâh b. Qayyim al-Jauziyyah , (t.t), *al-Rûb*, Kaherah : Dâr al-Kinânah al-Islâmiyyah, h. 20 – 21.

<sup>53</sup> Muhammad b. Ismâ'îl Al-San'âni (1993), *Subul al-Salâm Syarh Bulugh al-Marâm*, j. 2. c. 8. Kaherah : Dâr al-Hadîth , h. 576 – 577, hadith no : 546.

<sup>54</sup> Sayyid Sâbiq (1990), *op.cit.*, h. 147 – 148.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Lihat al-Nawawi (1985), *Rawdah*, op.cit., h. 138.

Lihat juga al-Nawawi (t.t), *al-Adhkār*, op.cit., h. 164 – 168.

Lihat juga Abdullah Basmein (1997), *Mustika Hadith Rasulallah s.a.w.*, Edisi Rumi, Kuala Lumpur : JAKIM, h. 375.

<sup>57</sup> Abādī (1990), op.cit., h. 30, hadith no. 3219

<sup>58</sup> Sulaymān al-Bijayrimī (1981), *Tuhfah al-Habib 'Alā Syarḥ al-Khatib*, j. 2. Beirut : Dār al-Fikr, h. 274.

<sup>59</sup> Rujuk Bilangan 6 Fatwa Jawatankuasa Syariah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang dipengerusikan oleh Dato' Haji Abu Hasan bin Haji Sail pada 30 Syaaban 1405 H bersamaan 20 Mei 1985 M di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan.

<sup>60</sup> Husnain Muhammad Makhlūf (1947), *Hukm al-Syari'iyyah al-Islāmiyyah Fī Ma'tam Lailah al-Arb'ām*, Kaherah : Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 16 – 17.

<sup>61</sup> JAKIM (1998), *Penjelasan Hukum Membaca Talqin, Tahlil Arwah, Upah Membaca al-Quran, Membaca Yaasin Secara Berkumpulan Pada Malam Jumaat dan Bersentuh Kulit Lelaki dan Perempuan Ajnabi*, Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 9

<sup>62</sup> Lihat buku *Panduan Bacaan Yaasin dan Tahlil, Bahagian Hal Ehwal Islam*, Jabatan Perdana Menteri (1990), c. 5. Kuala Lumpur : Percetakan Musa'adah Sendirian Berhad, h. 1-75.

Haji Nawawi bin Hasan (1985), *Kaifiat Menyempurnakan Jenazah*, c. 3. Seremban : Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, h. 1-39.

<sup>63</sup> Temuramah dengan Pegawai Agama Daerah Jempol, Ustaz Mat Jusoh bin Sudin, Pegawai Pentadbiran Masjid Daerah Jempol, Ustaz Hussien bin Jalani, Pegawai Agama Daerah Kuala Pilah, Ustaz Mohd. Fadhil Haji Abu Kassim, Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Ustaz Mohd. Zaidi bin Ramli

Temuramah dengan Dato' Mufti diadakan di Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada 11 Februari 2002 dan 3 Februari 2004

<sup>64</sup> Haji Nawawi Hasan (1985), op.cit., h. 23-39.

<sup>65</sup> Rujukan bagi tajuk ini antaranya ialah kitab *al-Adhkār* karangan al-Imām al-Nawawi h. 10 – 22, dan *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sābiq h. 213 – 222.

<sup>66</sup> Al-Naisābūrī (1988), op.cit., j. 2. h. 574, hadith no. 2700

<sup>67</sup> Maksudnya ialah Allah akan mengkabulkan doa orang yang berdoa.

Lihat juga Abādī (1990), j. 13. op.cit., h. 198, hadith no : 198

Lihat juga al-Mubārakafūrī (1995), op.cit., j. 6. h. 35, hadith no : 1930.

<sup>68</sup> Al-Naisābūrī (1988), op.cit., h. 570, hadith no. 2675

Lihat juga al-Mubārakafūrī (1995), op.cit., j. 10. h. 51 – 52, hadith no : 3603.

<sup>69</sup> Al-Naisābūrī (1988), ibid., j. 2. h. 566, hadith no. 2676

<sup>70</sup> Al-Nawawi (t.t), *al-Adhkār*, op.cit., h. 10.

<sup>71</sup> Al-Naisābūrī (1988), op.cit., j. 2. h. 574-575, hadith no. 2701

<sup>72</sup> Al-Qazwīnī (t.t), op.cit., h. 514, hadith no. 1610

<sup>73</sup> Sayyid Sābiq (1998), op.cit., h. 261

<sup>74</sup> Al-Qazwini (t.t) *op.cit.*, h. 514 hadith no. 1612

<sup>75</sup> Abd. Al-Rahmān al-Jazīrī (t.t), *Kitāb al-Fiqh 'Alā Madhāhib al-Arba'ah, Qism al-'Ibādat*, j. 1. Beirut : Dār al-Fikr, h. 539 – 540.

<sup>76</sup> Sayyid Sābiq (1998), *op.cit.*, h. 261.

<sup>77</sup> Temuramah dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada 3 Februari 2004.

<sup>78</sup> Abādī (1990), *op.cit.*, j. 5. h. 270, hadith no : 3119.

Lihat juga al-Fārisī (1987), *op.cit.*, h.3, hadith no : 2991.

<sup>79</sup> Syams al-Dīn Abī 'Abd Allāh b. Muhammād al-Qurtūbī (1997), *Al-Tadhkīrah Fī al-Āhwāl al-Mauta Wa Umār al-Ākhirah*, c. 2. Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 90.

<sup>80</sup> Dr. Amran Kasimin (1993), *Tanya Jawab Agama Mingguan Malaysia Siri 3*, Kuala Lumpur : Dinie Publishers, h. 59.

<sup>81</sup> Al-Imām al-Syawkānī (1994), *Nayl al-Auṭār Syarḥ Muntaqā al-Akhbār*, j. 3. Kaherah : Dār al-Hadīth, h. 29, hadith no : 1369.

<sup>82</sup> Al-Marbāwī (t.t), *op.cit.*, j. 10. h. 145, hadith no.175

<sup>83</sup> Al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, j. 8. h. 166, hadith no. 2887

<sup>84</sup> Al-Nawawī (t.t), *Saḥīḥ Muslim*, *op.cit.*, j. 17. h. 19, hadith no. 2669  
Lihat juga al-Asy'ari (t.t), *op.cit.*, j. 3. h. 251

<sup>85</sup> Al-Naisābūrī (1988), *op.cit.*, j. 1. h. 429-430, hadith no. 977  
Lihat juga al-Mubārakafūrī (1995), *op.cit.*, j. 4. h. 110, hadith no : 1054.

<sup>86</sup> Sayyid Sābiq (1990), *op.cit.*, h. 178.

<sup>87</sup> Al-Naisābūrī (1998), *op.cit.*, j. 1. h. 429, hadith no. 976. Lihat juga Sayyid Sābiq (1990), *op.cit.*, h. 179.

<sup>88</sup> Husnain Muhammad Makhlūf (1947), *op.cit.*, h. 55.

<sup>89</sup> *Ibid.*

<sup>90</sup> Wahbah al-Zuhaylī (Dr) (1996), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 1. c. ulangan, Damsyiq : Dār al-Fikr, h. 85-86

<sup>91</sup> Semua hadith diambil dari kitab *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sābiq, *op.cit.*, h. 183-184.

<sup>92</sup> Al-Naisābūrī (1998), *op.cit.*, j. 1. h. 429, hadith no. 974

<sup>93</sup> Al-Syawkānī (1994), *op.cit.*, h. 133 – 134, hadith no : 1524.

<sup>94</sup> Al-'Asqalānī, (t.t), *op.cit.*, h. 148, hadith no. 1302

Lihat juga Al-Naisābūrī (1998), *op.cit.*, j. 1. h. 407, hadith no. 626

<sup>95</sup> Sayyid Sābiq (1990), *op.cit.*, h. 184-185.

<sup>96</sup> *Ibid.*